
Mokhtar A. Kadir

AKU & NEGARAKU



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

AKU DAN NEGARAKU

MEGASTAR

PUSTAKA PERINGATAN TUN ABDUL RAZAK
LIBRARY
PTR
MALAYSIA

AKU DAN NEGARAKU

Mokhtar A. Kadir

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pelajaran Malaysia
Kuala Lumpur
1986

Access No: 4788 6/89
Class. No:

KK. 321 – 3343 6101

Hakcipta terpelihara.
Tidak dibenar mengeluar ulang, dalam
apa jua bentuk pun dan dengan cara apa jua
pun secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman
atau lain-lain, mana-mana bahagian artikel/ilustrasi/isi
kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis
dari Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada
perkiraan royalti dan honorarium.

Cetakan Pertama 1986
© Hakcipta Mohd Mokhtar A. Kadir

Diaturhuruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Rupataip Teks: T/Roman (Kod: 3271)
Saiz Taip Teks: 11/13 poin.

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang, Selangor.

$8.50

Kandungan

Apakah kebebasan	1
Negara Sama Seperti Sebuah Keluarga	8
Perlembagaan	12
Kerajaan	18
Corak Pemerintahan	22
Kuasa Pemerintahan Negara	24
Parlimen	30
Kuasa Eksekutif	48
Kerakyatan	54
Kewajipan Warganegara	66
Mahkamah dan Pengadilan	74
Rakyat dan Perlindungan	78
Kerajaan Melindungi Rakyat Am	90

1 Apakah Kebebasan

Keadaan Hidup Kita Sehari-hari

KITA lihat sendiri keadaan kehidupan kita sehari-hari, sudah tentu banyak yang boleh dipelajari. Makin mendalam penglihatan kita, makin banyak pula pengalaman yang kita rasai. Kata orang bijak pandai, kesilapan atau kesalahan yang kita lakukan melalui pengalaman dari sesuatu kejadian akan menjadi sebati dalam ingatan. Kita sukar melupainya dan akan kita ingati sampai bila-bila. Ini akan membolehkan kita tidak mengulangi kesalahan atau kesilapan itu lagi.

Begitulah, pengalaman boleh mengajar kita dan menjadikan seseorang itu lebih sedar dan ingat sehinggalah pengalaman demikian menjadi panduan hidupnya. Walau apa pun yang kita lakukan dalam kehidupan sehari-hari, sudah tentu ada hadnya. Begitu halnya dengan keadaan manusia di dunia ini. Misalnya, kita bermain bola, kita akan berhenti apabila sampai masanya atau apabila kita sudah penat. Kita makan apabila terasa lapar, dan akan berhenti apabila perut terasa kenyang. Ini juga ada had-hadnya.

Kita lihat keadaan alam ini. Ada siang dan ada malam. Malam akan mendatang apabila matahari mula terbenam, siang muncul semula apabila matahari terbit keesokan harinya. Giliran siang dan malam memang ditetapkan oleh penciptanya – iaitu Tuhan Yang Maha Esa. Ini juga menunjukkan bahawa segala-galanya dalam dunia ada had-had yang ditentukan, sama ada ditentukan oleh keadaan itu sendiri, mahupun ditetapkan oleh yang lebih berkuasa.

Samalah juga halnya dengan manusia. Kebebasan seseorang itu ada had-had tertentu. Tetapi selalu benar maksud kebebasan itu disalahertikan. Setengah-setengah pihak atau orang memang sengaja menyalahertikan maksud sebenar perkataan itu dengan mengatakan bahawa kebebasan itu bererti "kita boleh berbuat apa sahaja yang kita suka".

Apa jadi jika setiap orang bebas membuat sesuka hati? Sudah tentu tidak seorang pun akhirnya akan merasakan dirinya bebas, kerana dirinya akan berasa terancam dan akan berada dalam ketakutan. Dia tidak akan bebas memiliki harta, tidak bebas mempunyai kekayaan, malahan pelajar-pelajar juga tidak bebas menuntut ilmu dan seterusnya tidak bebas membuat pekerjaan yang disukai kerana dia takut diancam oleh orang lain. Orang yang kuat sudah tentu mengganggu orang yang lemah dan menggunakan kekuatannya mengalahkan mereka yang lemah. Yang kaya pula menekan yang miskin, kerana mereka boleh berbuat apa sahaja yang mereka suka.



Orang ramai harus mengerti erti kebebasan. Kebebasan bukan bererti kita boleh melakukan apa sahaja yang kita suka.



Seorang petani bebas menanam apa saja dan dengan apa juga cara yang disukainya asalkan tidak menceroboh hak orang lain.






Erti Kebebasan

Katakanlah, seorang petani yang rajin dan tekun telah berjaya membeli sebuah jentera untuk mengerjakan sawahnya. Seorang petani lain juga berminat dan berhajat hendak memiliki sebuah jentera pembajak yang serupa. Petani yang berhajat itu terus merampas jentera kepunyaan kawannya itu, padahal kawannya sudah bersusah payah dan berkorban untuk membelinya. Kita ada kebebasan, tetapi bukanlah bermakna kita boleh merampas harta orang lain, atau boleh bertindak sesuka hati. Kita ada peraturan dan undang-undang. Kebebasan kita haruslah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang ada.

Misalan di atas jelas menunjukkan bahawa kebebasan tidak bererti bahawa seseorang itu berhak bertindak sesuka hatinya tanpa mengira hak atau kebebasan orang lain serta peraturan dan undang-undang yang ada dalam sesebuah masyarakat, kumpulan atau negeri dan seterusnya negara.

Satu contoh lain ialah mengenai telatah pelajar-pelajar dalam sebuah kelas. Dalam kelas itu ada pelajar yang hendak menyanyi,



Setiap tindakan yang kita buat mestilah tidak bertentangan dengan undang-undang.

ada yang hendak membuat kerja rumah, ada pula hendak bermain karom; satu kumpulan lagi mahu berlatih drama dan yang satu lagi hendak bermain muzik. Semuanya hendak dilakukan di dalam kelas dan masa yang sama. Apa akan terjadi? Sudah tentu tidak ada seorang atau kumpulan pun yang dapat melakukan apa yang dikehendaki itu dengan sempurna kerana masing-masing tidak menghormati dan menghargai kebebasan orang lain. Semuanya keras kepala, masing-masing mengatakan yang mereka mempunyai kebebasan dan hak. Akhirnya peristiwa yang tidak diingini berlaku, pertelingkahan atau pergaduhan pun terjadi.

Sebenarnya pelajar-pelajar tersebut bebas untuk menyanyi, atau membuat kerja rumah, atau bermain karom, mahupun berlatih drama atau bermain muzik. Tetapi ada peraturan-peraturan tertentu yang harus dipatuhi untuk melakukan perkara-perkara tersebut.

Apabila berada di rumah, kita mestilah mempelajari dan memahami hak-hak keluarga kita dan jiran kita. Apabila kita dapat mempelajari dan memahami hak isi rumah dan jiran kita, maka akan wujudlah persefahaman yang lebih mendalam di kalangan kita seisi keluarga dan seterusnya jiran tetangga.

Di sini jelas menunjukkan bahawa kebebasan orang perseorangan itu terhenti pada takat bermulanya kebebasan orang lain. Memanglah benar setiap anggota masyarakat tidak terlepas dari golongan yang menimbulkan kacau-bilau atau huru-hara atau menyebarkan fitnah yang boleh membawa kehancuran perpaduan. Kita fikirkanlah apa akan terjadi jika semua orang boleh berbuat sesuka hati tanpa batasan, walhal kita sendiri tahu dan sedar perbuatan itu benar-benar mendatangkan keburukan kepada kehidupan rakyat dan negara.

Dengan demikian kita akan faham bahawa kita haruslah membataskan kebebasan kita pada had yang sewajarnya, misalnya tidak boleh membuat bising sesuka hati.

Tegasnya kebebasan membenarkan seseorang melakukan sesuatu sesuka hatinya dengan syarat tidak melebihi hadnya. Seseorang itu boleh melakukan apa sahaja yang disukainya selagi perbuatannya itu tidak melanggar undang-undang atau peraturan. Undang-undang atau peraturan di sini dimaksudkan sama ada undang-undang bertulis ataupun tidak bertulis dalam sesuatu negara, masyarakat, dan kumpulan seperti adat resam, kebudayaan dan juga agama.

Di dalam kelas kita harus patuh kepada tatatertib dan peraturan. Tanpa peraturan kita tidak akan dapat belajar dengan baik.



Tanyakan Diri Sendiri

Sekarang tanyakanlah diri anda sendiri. Bagaimana semua ini dapat anda sempurnakan? Sebagai seorang pelajar, misalnya, anda bebas berfikir, bebas memilih dan membuat keputusan apa yang difikirkan baik untuk bilangan ramai dan juga untuk diri sendiri. Jika mampu berbuat demikian dan dapat menerima keputusan suara ramai secara hati terbuka, sama ada secara berpasukan atau tidak, sama ada keputusan diri sendiri ataupun bukan keputusan sendiri, maka anda telah mula memahami dan mempelajari asas-asas kebebasan dan demokrasi.

Sebagai rakyat dalam sebuah negara yang mengamalkan pemerintahan demokrasi, kita perlu mempelajari banyak lagi berkaitan dengan kebebasan dan demokrasi. Kita juga mesti belajar membuat keputusan bagi diri sendiri dan belajar berfikir dan menimbang yang mana baik dan yang mana buruk. Kita mesti dapat memilih yang mana benar dan yang mana tidak benar. Seterusnya, kita juga harus belajar memperbaiki diri sendiri. Ini bererti kita hendaklah belajar berfikir sendiri sebagai anggota dalam keluarga, sebagai pelajar dalam sekolah, juga sebagai penduduk dalam pekan atau kampung dan sebagai ahli masyarakat setempat dan seterusnya sebagai rakyat yang bertanggungjawab kepada negara.

Rakyat Malaysia bertuah dan bernasib baik dapat hidup dalam sebuah negara yang mengamalkan pemerintahan demokrasi. Sudah menjadi kewajipan dan tanggungjawab kita semua menjadi warganegara yang memenuhi dan memikul tanggungjawab tersebut sebagai tanda cintakan tanahair. Setiap rakyat hendaklah bersama-sama membantu membaiki serta memajukan diri sendiri, masyarakat, bangsa dan negara dalam semua bidang demi kesejahteraan kita semua.

Tujuan buku ini ialah membantu muda-mudi kita semua, terutama yang masih berada di bangku sekolah, supaya memahami kebebasan yang diberikan kepada mereka, baik kebebasan yang diberikan oleh ibu bapa mahupun kebebasan yang diberikan oleh guru-guru di sekolah. Apabila pelajar-pelajar itu meninggalkan bangku sekolah dan mula menjadi anggota masyarakat, kesemuanya ini akan dapat memimpin mereka menjadi anggota masyarakat yang berguna. Dengan mempelajari dan memahami erti dan maksud kebebasan, maka tidak syak dan ragu lagi mereka akan dapat bersama-sama mempertahankan kebebasan dari segi pandangan Malaysia. Mereka juga akan dapat bersama-sama memimpin negara ke arah demokrasi yang lebih bererti. Seorang warganegara



yang bertanggungjawab mestilah tahu dan faham benar-benar mengenai hak-hak dan cara mana perlembagaan dan undang-undang memberi perlindungan kepada kebebasan setiap orang dalam negaranya serta kewajipan dan tanggungjawab mereka terhadap negaranya. Memanglah benar tidak mudah seseorang itu hendak mempertahankan sesuatu yang dia sendiri tidak faham dan mengetahuinya.

Pemerintahan yang bercorak demokrasi membolehkan rakyat melalui wakil-wakil mereka menyuarakan pendapat atau bantahan terhadap sesuatu perkara.

2 Negara Sama Seperti Sebuah Keluarga

Persatuan dan Undang-undang Bermula di Rumah

NEGARA boleh diumpamakan sebagai sebuah keluarga. Apa yang berlainan ialah bahawa keluarga terdiri daripada ahli-ahli yang kecil sementara negara mempunyai ahli atau rakyat yang ramai. Dalam sesebuah keluarga yang besar, misalnya, kanak-kanak buat pertama kalinya mengenali peraturan atau undang-undang dalam sebuah kumpulan orang, iaitu ibu bapa dan ahli-ahli keluarga yang lain. Untuk menjalankan urusan keluarga ini, ibu dan bapa sebagai ketua dalam keluarga akan mengendali dan menguruskan hal-ehwal keluarga itu. Kedua-dua ibu dan bapa bertanggungjawab dalam keluarga; merekalah yang menjalankan pemerintahan dalam keluarga tersebut.

Supaya keluarganya dapat hidup dan tinggal dalam suasana aman dan damai, mesra dan tenteram serta hidup gembira sekeluarga, maka kedua-duanya mengadakan peraturan atau undang-undang lisan yang tidak bertulis. Peraturan ini pula perlu dipatuhi oleh ahli-ahli keluarga. Misalnya pada waktu makan malam semua ahli keluarga mestilah berada di tempat makan pada masa-masa yang ditetapkan. Barang-barang kepunyaan seseorang ahli keluarga seperti baju dan kasut hendaklah disimpan pada tempat yang ditentukan, tidaklah boleh diletakkan di merata-rata tempat.

Kedua-dua ibu bapa juga mempunyai tugas dan tanggungjawab harian atau kerja yang patut dibuat atau dilakukan. Mereka terpaksa menjalankan tugas-tugas dan kerja-kerja tersebut supaya keluarga itu dapat mencapai matlamat hidup yang dirancang. Sebagai pemimpin dalam keluarga, ibu bapa pula memastikan peraturan-peraturan atau undang-undang keluarga sentiasa dipatuhi dan dihormati.



Peraturan bermula di rumah. Setiap ahli keluarga haruslah mematuhi segala peraturan yang ada.



Mencari rezeki adalah tanggungjawab ibubapa. Ahli-ahli keluarga yang lain mestilah turut sama membantu.

Berpersatuan seperti ini boleh menjadikan kita seorang warganegara yang lebih berdisiplin dan bertanggungjawab.

Kedua-duanya juga mempunyai tanggungjawab menjaga dan mendidik serta mengadakan perbelanjaan harian keluarga. Di samping itu, mereka juga sentiasa berusaha memastikan keselamatan ahli-ahli keluarga dan segala keperluan hidup. Ibu bapa juga mempunyai tanggungjawab memastikan mereka sendiri tidak akan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan peraturan dalam keluarganya. Sebagai pemimpin atau ketua, mereka sentiasa memberikan contoh dan teladan yang baik. Dengan demikian, kedua-dua orang tersebut, iaitu ibu dan bapa, boleh dianggap sebagai satu badan yang mentadbir dan menguruskan pemerintahan dalam keluarga itu. Mereka juga boleh diumpamakan sebagai kerajaan dalam keluarga tersebut.

Begitu juga keadaannya dengan sesebuah pertubuhan. Persatuan Pengakap satu lagi contoh yang mempunyai badan pemerintahan atau kerajaan di peringkat yang paling rendah atau kecil. Anda mungkin menjadi ahli sesebuah pertubuhan serupa itu, misalnya Persatuan Pengakap di sekolah atau di tempat anda tinggal. Sudah tentu anda mendapati banyak peraturan mengenai kegiatan Persatuan Pengakap yang anda menjadi ahli.



Semua ahli termasuk anda sendiri mestilah mematuhi undang-undang atau peraturan persatuan. Ramai pula pegawai dalam persatuan itu dan antara tugas mereka itu ialah memastikan ahli-ahli pengakap mematuhi undang-undang dan peraturannya. Pegawai-pegawai ini juga bertanggungjawab mengadakan kegiatan-kegiatan yang memberi faedah kepada ahli-ahli dan juga masyara-

kat setempat. Mereka ini juga akan berusaha mengadakan wang yang cukup bagi menjalankan segala kegiatan yang dirancangkan oleh badan pengelola atau pentadbir yang anda dan ahli-ahli lain lantik dalam mesyuarat agung yang lalu.


Pemimpin

Dalam pengurusan atau pentadbiran sesebuah pertubuhan atau persatuan, ada TIGA unsur atau perkara penting. Pertama: Peraturan atau undang-undang yang menentukan atau menetapkan cara mana pertubuhan atau persatuan itu hendak dikendalikan atau diperintah. Dengan kata-kata lain, peraturan itu menentukan bagaimana hendak mengendalikan persatuan dan ahli-ahlinya. Begitu halnya dalam sesebuah keluarga dan seterusnya dengan sebuah negara.

Unsur Kedua: orang atau mereka yang menjalankan urusan pemerintahan atau pentadbiran itu, iaitu pegawai-pegawai yang menguatkuasa dan melaksanakan peraturan atau sesuatu undang-undang itu. Orang itu kita sebut PEMIMPIN. Bagi sesebuah keluarga, ibu bapa ialah pemimpin kepada keluarga.

Unsur Ketiga: Orang yang dipimpin. Dalam mana-mana pertubuhan ahli-ahli pertubuhan itu ialah mereka yang dipimpin atau kadangkala juga disebut pengikut. Bagi peringkat keluarga pula, ahli-ahli keluarga itu termasuk anak-anak keluarga itu, adalah mereka yang dipimpin. Untuk negara, rakyatlah yang merupakan ahli kepada negara dan mereka ialah orang yang dipimpin..

Di sekolah guru merupakan seorang pemimpin. Murid-murid sebagai orang yang dipimpin mestilah menghormati dan mematuhi arahan guru.



Setiap orang yang menjadi ahli persatuan sudah tentu menyedari dan memahami tentang perlunya ada ketiga-tiga unsur tersebut. Jika demikian rupanya, sesuatu pertubuhan itu mestilah mempunyai undang-undang atau peraturannya sendiri supaya pertubuhan berkenaan menjadi kuat dan berjalan dengan sempurna. Bagaimanakah pula keadaannya dengan orang ramai yang tinggal dalam sebuah masyarakat, negeri dan seterusnya negara? Adakah mereka juga memerlukan undang-undang dan pemimpin? Fikirkanlah!

Kita sendiri sebagai salah seorang penduduk dalam sesebuah bandar atau kampung umpamanya, mahukan banyak kemudahan untuk diri kita dan keluarga. Kita sendiri tidak dapat menyediakan kesemua yang diperlukan. Kita tidak terdaya hendak mengadakan jalan raya yang elok dan sempurna. Sekolah, hospital dan banyak lagi kemudahan juga tidak dapat kita sediakan secara persendirian. Oleh yang demikian, penduduk dalam sesebuah kawasan atau dalam sesuatu masyarakat dan negeri bersama-sama berusaha menentukan cara mana mereka dapat mengadakan kesemuanya itu. Mereka bekerja bersama-sama untuk hidup dan tinggal dalam sebuah bandar, umpamanya membuat peraturan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan itu. Mereka juga menentukan bentuk pentadbiran atau pemerintahan yang mereka suka. Mereka memilih wakil-wakil untuk membuat peraturan dan undang-undang dan seterusnya mengurus atau mentadbirkan undang-undang itu. Mereka juga mengambil langkah-langkah mengadakan kemudahan seperti jalan raya, telefon, sekolah, balai polis, hospital dan banyak lagi.

Begitulah keadaannya dengan negara kita ini. Rakyat dari berbilang keturunan dan kaum memilih wakil-wakil mereka menubuhkan atau membentuk kerajaan, sama ada kerajaan negeri mahupun kerajaan persekutuan. Wakil-wakil rakyat ini bersama-sama pula menggubal, membincang dan meluluskan undang-undang dan wang bagi menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan yang akan dilaksanakan. Jika undang-undang itu di peringkat negeri, maka ia dibahaskan di Dewan Perundangan Negeri dan jika di peringkat persekutuan, ia dibahaskan dan dibincangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, iaitu Parlimen.

Wakil-wakil rakyat pula memilih pemimpin-pemimpin mereka untuk memimpin kerajaan atau pemerintahan yang akan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan ini. Kita akan mempelajari bagaimana sesuatu undang-undang itu digubal dalam pelajaran mengenai Parlimen nanti.

3 Perlembagaan

Undang-undang Tubuh

PERSATUAN Sivik di sekolah mempunyai undang-undang tubuhnya sendiri. Undang-undang tubuh ini kerap kali atau biasanya disebut Perlembagaan Persatuan Sivik. Persatuan ini ditadbir dan diuruskan berdasarkan kepada peraturan-peraturan tertulis dalam undang-undang tubuhnya atau perlembagaannya.

Pegawai-pegawai persatuan menjalankan tugas-tugas mereka berdasarkan kepada perlembagaannya. Yuran bulanan yang dikutip dari pelajar-pelajar oleh Bendahari persatuan juga menurut kuasa yang diberikan oleh perlembagaannya.

Pengerusi, setiausaha dan pegawai-pegawai, iaitu ahli-ahli jawatankuasa kerja dalam persatuan, juga dipilih oleh pelajar-pelajar berdasarkan kepada apa yang dibolehkan oleh perlembagaan persatuan. Mesyuarat agung dan juga mesyuarat ahli-ahli jawatankuasa kerja diadakan setiap tahun atau pada masa yang ditentukan mengikut apa yang ditetapkan oleh perlembagaan.


Setiausaha persatuan diberi kuasa oleh perlembagaan memanggil ahli-ahli menghadiri mesyuarat. Dengan demikian 'Perlembagaan' ialah satu rukun atau aturcara yang menentukan pentadbiran, pengurusan dan pemerintahan sesebuah pertubuhan, badan, bandar, negeri dan negara.

Perlembagaan Negara

Tiap-tiap negara yang merdeka dan berdaulat mempunyai perlembagaannya sendiri. Malaysia juga mempunyai perlembagaannya sendiri.


Boleh diertikan bahawa Perlembagaan Negara ialah satu rukun tertulis yang menjadi punca bagi mengadakan dan menggubal undang-undang lain kerana perlembagaan menentukan cara-cara pemerintahan negara kita ini. Ia menetapkan siapakah yang menjadi Ketua Negara, siapakah yang patut menjadi Perdana Menteri serta menteri-menteri lain dan apakah kuasa yang mereka boleh laksanakan. Sejauh manakah pula mereka itu boleh menggunakan kuasa-kuasa yang diberikan dalam menjalankan pemerintahan negara? Semua ini ditetapkan oleh perlembagaan.

Perlembagaan menghadkan kuasa-kuasa kerajaan atau pemerintah iaitu Ketua Negara, menteri-menteri kabinet atau Jemaah Menteri dan juga pegawai-pegawai kerajaan. Ia juga menentukan hak-hak rakyat, seperti hak kebebasan bersuara, kebebasan bercakap, kebebasan menganut agama dan banyak lagi, di samping memberi perlindungan kepada rakyat.



Perlembagaan negara adalah rukun tertulis yang menjadi asas undang-undang dan menentukan cara pemerintahan negara kita.

Perlembagaan Negara juga melindungi rakyat negara ini daripada hukuman-hukuman dan pemerintahan yang tidak adil dari segi penguatkuasaan undang-undang. Rakyat diberikan hak oleh perlembagaan untuk bertindak dan melakukan sesuatu mengikut lunas undang-undang atau apa yang dibenarkan oleh undang-undang.



Tegasnya perlembagaan negara kita digubal atau dibentuk sedemikian rupa supaya dapat menjamin kemakmuran, keamanan, kesopanan, kesetiaan, keadilan dan perpaduan rakyat berbilang kaum.

Melalui perlembagaan, undang-undang lain dapat diadakan. Semua undang-undang baru yang dibuat dan juga pindaan mestilah patuh kepada perlembagaan. Ini bererti bahawa undang-undang yang digubal mestilah tidak bercanggah atau bertentangan dengan kehendak-kehendak perlembagaan. Jelaslah kepada kita bahawa perlembagaan itu ialah hak asasi undang-undang. Bagi negara ini, Perlembagaan Malaysia ialah undang-undang utama Persekutuan Malaysia.

Perlembagaan Melindungi Rakyat

Sekarang timbullah pula pada fikiran kita, bagaimanakah perlembagaan sesebuah negara atau negeri itu digubal. Satu-satu perlembagaan itu diadakan berdasarkan kepada kehendak-kehendak dan persetujuan rakyat negara atau negeri itu sendiri.

Selain dari itu perlembagaan digubal berdasarkan kepada keadaan negara atau negeri itu sendiri. Ia dikaji dari segi sosial, sejarah, politik, ekonomi, kebudayaan dan keadaan rakyatnya.

Berdasarkan kepada keadaan inilah maka sesebuah perlembagaan untuk semua rakyat dan meliputi semua bidang dapat dibentuk. Dengan adanya kajian-kajian inilah maka tidak seorang rakyat pun di negara ini yang tidak terlindung oleh perlembagaan. Perlembagaanlah yang memimpin dan melindungi rakyat seluruhnya.

Jika kita kaji dari buku-buku sejarah negara, maka kita dapati bahawa semasa penjajah-penjajah datang menakluki negeri-negeri Melayu, mereka dapati bahawa negeri-negeri Melayu ini sudah pun ada pemerintahan yang mempunyai peraturan sendiri, iaitu pemerintahan beraja; raja-raja Melayu atau sultan-sultan adalah



sebagai ketua pemerintah. Penduduknya pula yang terdiri dari orang-orang Melayu menjadi rakyat baginda. Penduduk yang mendatang juga diberikan perlindungan. Mereka pada mulanya datang kerana mencari penghidupan baru. Akhirnya mereka juga mengaku taat setia kepada negeri mereka yang baru. Kerana hasrat dan taat setia itulah mereka diterima bermastautin di negeri-negeri berkenaan.

Penjajah juga mengiktiraf atau mengakui bahawa raja-raja Melayu adalah ketua bagi negeri-negeri tersebut. Sebagai contoh, dalam kurun ke-15 dan ke-16, Kerajaan Melayu Melaka diiktiraf seluruh dunia, dari Negeri China di sebelah Timur sehinggalah Kerajaan Peringgi di Eropah. Seluruh negeri Islam di Asia Barat, dan Kerajaan India juga mengakui kebesaran Kerajaan Melaka pada zaman itu.

Dengan itu ramailah saudagar Islam dan India datang ke Melaka menjalankan urusan perdagangan dengan saudagar-saudagar asing yang datang dari seluruh dunia.

Negeri Melaka juga pada masa itu sedia mempunyai cara pemerintahannya sendiri sesuai dengan keadaan pada masa itu.



Perbahasan di Parlimen – suara rakyat dikemukakan oleh wakil-wakil mereka. Sebarang perubahan yang hendak dibuat ke atas perlembagaan negara juga dibincangkan di sini.

Apa yang dititahkan oleh baginda sultan itulah yang menjadi sebahagian daripada undang-undang atau perintah kerajaan. Peraturan sedemikian juga memberikan hak kepada saudagar-saudagar asing yang berniaga di Melaka. Peraturan itu juga menguruskan hal-ehwal pemerintahan negeri itu.

Sebagai rakyat negara ini, yang benar-benar menumpahkan taat setia kepada Malaysia, maka kita hendaklah menerima kenyataan dan adalah menjadi tanggungjawab kita semua mengakui bahawa perlembagaan itu ialah hak asasi kita. Oleh itu kita mestilah sanggup mempertahankan keluhuran perlembagaan negara.

Pindaan Perlembagaan

Tidak seorang pun di negara ini mempunyai kuasa meminda mana-mana bahagian dalam perlembagaan, baik perlembagaan persatuan di sekolah ataupun mana-mana pertubuhan. Sungguhpun demikian perlembagaan itu boleh dipinda apabila mesyuarat agung persatuan ataupun pertubuhan itu diadakan. Mesyuarat agung itu mestilah mempersetujuinya. Jika mesyuarat tidak bersetuju maka sesuatu pindaan tidak boleh dibuat ke atas perlembagaan.

Begitu juga keadaannya dengan perlembagaan negara atau negeri. Perlembagaan negara atau perlembagaan negeri hanya boleh dipinda melalui mandat rakyat. Kuasa meminda perlembagaan bukanlah terletak kepada Jemaah Menteri. Kuasa itu hanya dimiliki oleh Parlimen atau Dewan Persidangan Negeri.



Parlimen mengandungi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Segala pindaan terhadap perlembagaan negara mestilah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara dengan suara terbanyak iaitu dua pertiga dari bilangan anggota Dewan.

Segala perbahasan mengenai pindaan didebatkan oleh kedua-dua Dewan itu. Dewan-dewan ini mengandungi wakil-wakil dari rakyat di Dewan Rakyat dan wakil negeri-negeri seluruh Malaysia dan badan-badan tertentu, kaum minoriti dan profesion-profesion tertentu di Dewan Negara.

Wakil-wakil inilah mewakili kita semua mengenai sebarang pindaan terhadap perlembagaan dan juga undang-undang untuk mentadbir dan menguruskan negara sehari-hari. Kita akan mengetahui lebih lanjut mengenai Parlimen di Bahagian 7.

Jemaah Menteri – tidak boleh bertindak sesuka hati, tindakan dan bidang kuasa mereka adalah berlandaskan perlembagaan negara.



4 Kerajaan

Ke Arah Berkerajaan

SEMUA pelajar sekolah menengah itu berhimpun di dewan sekolah. Mereka berkumpul untuk mengadakan mesyuarat agung Persatuan Sivik. Semua pegawai persatuan dan ahli jawatankuasa, iaitu Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari dan Juruaudit mengambil tempat masing-masing.

Penasihat Persatuan, iaitu Guru Sivik, masuk ke dewan. Semua hadirin bangun. Mesyuarat dimulakan. Guru Sivik sebagai penasihat persatuan bangun berucap.

Dalam ucapannya Guru Sivik berkata, "Kita berkumpul hari ini ialah untuk memilih pegawai-pegawai baru persatuan kita. Kita juga akan menentukan rancangan-rancangan kita bagi tahun depan dan berbagai-bagai perkara lagi akan kita bincangkan dalam mesyuarat kita hari ini."

Selesai sahaja penasihat persatuan berucap, Pengerusi Persatuan bangun dan mencadangkan supaya pemilihan pegawai-pegawai baru persatuan dijalankan. Cadangan itu disokong oleh seorang pelajar dari Tingkatan 3A.

Pemilihan dimulakan. Seorang pelajar dari Tingkatan 5 bangun dan mencadangkan supaya seorang pelajar dari Tingkatan 5 dicalonkan menjadi Pengerusi baru persatuan. Pelajar itu ialah Latiff. Sebaik sahaja pencadang itu duduk, Othman, seorang pelajar dari Tingkatan 3, bangun menyokong cadangan itu. Begitulah keadaannya sehingga lima orang dicalonkan untuk menjadi Pengerusi baru persatuan.

Sebuah perhimpunan pelajar – setiap pelajar berhak memilih wakil mereka untuk memegang jawatan tertentu.







Pengawas – boleh mewakili suara pelajar dan memastikan setiap pelajar mematuhi disiplin serta peraturan sekolah.

Nama-nama calon yang dicadangkan ditulis di papan hitam. Sebanyak lima nama dicalonkan untuk jawatan tersebut. Banyak lagi nama yang dicalonkan untuk jawatan-jawatan lain dalam persatuan pada hari itu. Pengundian kemudian dijalankan. Pengerusi memberitahu mesyuarat, "Oleh kerana ramai calon yang bertanding, maka pemilihan secara undian sulit terpaksa diadakan."

Dalam undi sulit, mesyuarat memilih pegawai-pegawai baru dan beberapa orang pegawai lama dipilih semula untuk memegang jawatan masing-masing. Pegawai-pegawai inilah yang akan bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas persatuan itu pada tahun hadapan.

Dengan terpilihnya pegawai-pegawai baru persatuan, maka Persatuan Sivik sekolah telah memilih badan pentadbir baru persatuan. Badan inilah yang bertanggungjawab ke atas perjalanan persatuan, baik dari segi kewangan, pentadbiran mahupun rancangan yang akan dijalankan.

Ahli-ahli persatuan, iaitu pelajar-pelajar, kini mewakilkan kuasa mereka kepada pegawai-pegawai ini untuk mentadbir atau menguruskan Persatuan Sivik itu. Cara ini kita sebut pemerintahan persatuan secara pemilihan atau lebih dikenali sebagai secara demokrasi. Dalam hal ini, kita sendiri memilih wakil kita secara undi sulit untuk mengurus dan mentadbirkan persatuan itu.

Sekarang jelaslah kepada kita bagaimana pentadbiran sesebuah persatuan dijalankan. Pegawai-pegawai yang dipilih itu akan mengurus atau mengelolakan persatuan mengikut perlembagaan atau peraturan undang-undang persatuan itu sendiri. Mereka tidak boleh menggunakan kuasa yang diberi oleh pelajar-pelajar itu kepada mereka sesuka hati. Mereka yang menyalahgunakan kuasa boleh dipecat dan disingkirkan dari jawatan.



Kuala Lumpur – Ibu negara dan pusat pemerintahan kerajaan kita. Di sini tertumpu segala kegiatan kebudayaan dan perdagangan.

Lambang kerajaan Malaysia.



Erti Kerajaan

Begitulah keadaannya dengan negara. Pegawai-pegawai yang mentadbir dan menguruskan negara setiap hari disebut 'Kerajaan' atau kadangkala disebut 'Pemerintah'.

Kerajaan ialah sebuah badan pemerintah yang mempunyai kuasa-kuasa tertinggi dalam sesebuah negara; badan inilah yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja mengurus dan mentadbirkan perjalanan negara itu sehari-hari. Badan ini menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya dengan kuatkuasa undang-undang di negara itu. (Lihat Bahagian ke-2: Pemimpin)

Jenis Kerajaan

Bagi Malaysia, kita mempunyai beberapa jenis kerajaan iaitu Kerajaan Pusat atau Kerajaan Persekutan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

Kerajaan Negeri ialah satu badan yang mempunyai kuasa tertinggi dalam sesebuah negeri dan menguruskan hal-ehwal yang berkenaan negeri itu; kuasanya terhad kepada peringkat negeri itu sahaja.

Kuasa-kuasa Kerajaan Persekutuan pula lebih luas meliputi semua negeri yang ada dalam Persekutuan Malaysia. Malaysia mengandungi 13 buah negeri yang bercantum dan menjadi Persekutuan Malaysia; tugas-tugas Kerajaan Pusat meliputi semua Kerajaan Negeri sepertimana yang dipersetujui melalui perjanjian antara Kerajaan-kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Perjanjian ini termaktub dalam Perlembagaan Negara.

Sebab-sebab Rakyat Mahukan Kerajaan

Mengapakah kita memerlukan kerajaan, atau pemerintah? Kita mahukan sebuah badan berkuasa yang boleh berkhidmat untuk menjaga kepentingan-kepentingan kita semua. Tidaklah terdaya bagi kita seorang diri menjalankan pentadbiran. Adalah lebih baik dan sempurna serta lebih berkesan jika ada sebuah badan yang menjalankan kerja-kerja pentadbiran dan menguruskan perkara-perkara kepentingan ramai.

Umpamanya, kita seorang diri tidak akan berupaya hendak mengadakan satu masyarakat yang tersusun. Memanglah tidak dapat kita lakukan seorang diri untuk mengadakan usaha-usaha yang boleh menyusun semula masyarakat dalam sesebuah pekan atau kampung. Kerja yang besar seperti ini sangat memerlukan sebuah badan berkuasa untuk menentukan segala-galanya berjalan dengan lancar. Ini adalah salah satu dari perkhidmatan yang dilaksanakan oleh sesebuah badan yang mempunyai kuasa tertinggi, seperti disebutkan dalam perkara 'Erti Kerajaan' tadi.

Kita memerlukan kerajaan supaya ia dapat melindungi kita, keluarga kita serta harta benda kita dari sebarang gangguan. Perlindungan diperolehi melalui kuatkuasa undang-undang.

Kita memerlukan kerajaan untuk mempertahankan negara jika diserang musuh. Perlindungan serupa ini memang menjadi salah satu daripada tugas dan tanggungjawab kerajaan. Untuk menjalankan tanggungjawab dan tugas ini, kerajaan mengadakan peraturan, undang-undang dan mengadakan pegawai-pegawai serta kakitangan yang bekerja menjalankan atau menguatkuasakan peraturan atau undang-undang itu.

Dengan adanya perlindungan ini barulah kita dapat hidup dengan aman, tenteram dan gembira. Kita juga boleh bekerja tanpa gangguan dan ketakutan, boleh belajar di sekolah-sekolah yang disediakan, boleh mencari nafkah dengan aman.

Rumah Pengadilan atau Mahkamah juga diadakan oleh kerajaan. Mahkamah ialah tempat membicarakan mereka yang melanggar undang-undang atau yang melakukan kesalahan-kesalahan menurut undang-undang. Mereka yang dituduh melakukan kesalahan dibawa ke hadapan pengadilan. Di sinilah semua tuduhan atau tuntutan diselesaikan secara adil. Mereka yang didapati sabit kesalahan akan dihukum seperti yang ditetapkan oleh undang-undang. Dengan kata-kata lain, mereka yang bersalah akan dihukum setimpal dengan kesalahannya. Sesebuah mahkamah tidak boleh bertindak melebihi apa yang dibenar atau ditetapkan oleh undang-undang semasa menjatuhkan sesuatu hukuman.

5 Corak Pemerintahan

ADA beberapa corak pemerintahan. Ada pemerintahan bercorak demokrasi, bercorak komunis dan lain-lain lagi. Tetapi bolehlah kita kumpulkan atau cantumkan kepada hanya dua cara pemerintahan sahaja pada peringkat asas ini. Kedua-dua cara ini ialah pemerintahan secara 'Diktator' sementara yang satu lagi pemerintahan 'Demokrasi'.

Diktator

Pemerintahan cara diktator ini ialah satu cara pemerintahan yang dijalankan oleh seorang atau sesuatu golongan tertentu yang mempunyai kuasa penuh dan mutlak. Pemerintahan hanya dijalankan oleh kumpulan ini dan disokong sepenuhnya oleh tentera dan polis.

Kuasa pemerintahan corak ini datangnya bukanlah dari rakyat. Rakyat tidak boleh menyuarakan pendapat atau pandangan mereka. Mereka juga tidak ada hak memilih wakil-wakil mereka untuk duduk dalam kerajaan atau mana-mana badan yang mempunyai kuasa tertinggi supaya dapat bersama-sama menguruskan hal-ehwal negara.


Pilihanraya tidak diadakan dalam negara yang mengamalkan pemerintahan cara ini. Pemerintah yang berhak menentukan siapakah yang mewakili rakyat dan masa depan rakyat juga ditentukan oleh pemerintah, bukan oleh rakyat sendiri.

Pemerintahan cara diktator ini tidak membenarkan parti-parti politik ditubuhkan bagi menguruskan hal-ehwal negara. Hanya sebuah parti politik, jika ada, boleh berbuat demikian, iaitu parti yang memerintah.

Pemerintah membuat undang-undang sesama mereka sendiri dan rakyat pula dikehendaki mematuhi undang-undang itu dengan tidak ada soal bicara lagi, sama ada undang-undang itu merampas hak asasi rakyat ataupun mengambil hak orang ramai. Apa yang mereka mahu tetap akan menjadi undang-undang dan tidak boleh ditentang, dibincang atau dibahaskan. Jika ditentang padah akan menimpa. Rakyat tidak mempunyai kebebasan bersuara, kebebasan berfikir dan kebebasan memiliki harta benda.

Pemerintahan cara ini akan menentukan apakah undang-undang untuk rakyat. Mereka juga menentukan perkhidmatan-perkhidmatan yang patut diberikan kepada rakyat. Segala-galanya ditetapkan oleh pemerintah tanpa membincangkannya terlebih dahulu dengan rakyat atau orang ramai.

Dengan kata-kata lain, rakyat tidak diberi peluang untuk menyatakan apakah pendapat dan fikiran mereka terhadap sesuatu



undang-undang dan perkhidmatan itu. Pemerintah **mengetepikan** kebebasan orang ramai dan kebebasan bersuara serta kebebasan memilih agama.

Ibu bapa tidak bebas memilih jenis sekolah untuk anak-anak mereka. Kebebasan rakyat memilih pekerjaan untuk dirinya diketepikan. Rakyat juga tidak dibenarkan keluar untuk melawat negara-negara lain, walaupun mereka mempunyai wang.

Pengisytiharan kemerdekaan – rakyat boleh memilih kerajaan.

Pilihanraya – salah satu ciri yang terdapat dalam negara yang mengamalkan pemerintahan demokrasi.

Demokrasi

Dalam sesebuah negara yang mengamalkan pemerintahan demokrasi, rakyat diberi kebebasan menentukan hak-hak mereka sendiri. Rakyat, melalui wakil-wakil mereka yang dipilih dalam pilihanraya, akan mendebat, membahas atau membincangkan pelbagai perkara untuk kepentingan rakyat.

Pemerintahan seperti ini sudah menjadi amalan di Malaysia, negara yang tercinta ini. Rakyatnya mempunyai kebebasan menentukan jenis perkhidmatan yang diperlukan oleh mereka. Mereka juga diberi kebebasan menuntut hak-hak sebagai rakyat negara ini dengan adil dan saksama. Kerajaan serupa ini sentiasa berdepan dengan rakyat dan kerajaan harus memenuhi kehendak-kehendak rakyat sesuai dengan undang-undang dan perlembagaan negara.





Rakyat memberikan kuasa kepada kerajaan dan mandat kepada wakil-wakil mereka dalam setiap pilihanraya untuk mentadbir dan menguruskan hal-ehwal negara atau negeri melalui undang-undang yang diluluskan. Undang-undang diluluskan oleh Parlimen bagi Kerajaan Persekutuan dan Dewan Undangan Negeri bagi kerajaan negeri. Sebelum diluluskan, undang-undang ini digubal dan dibuat oleh kerajaan melalui pelbagai proses yang akan kita pelajari dalam bahagian 'Parlimen' nanti.

6 Kuasa Pemerintahan Negara

Ketua Negara

CARA pemerintahan sesebuah negara itu samalah keadaannya dengan sesebuah persatuan atau badan yang ditubuhkan di sekolah atau di mana-mana pun. Persatuan atau badan ini mempunyai perlembagaannya sendiri. Perlembagaan Persatuan Sivik di sekolah, misalnya, menetapkan bahawa Yang Dipertua atau Pengerusi adalah pemimpin utama persatuan. Pegawai-pegawai lain yang dilantik pula bertanggungjawab kepada Pengerusi atau Yang Dipertua dan mereka ditugaskan menjalankan kerja-kerja bagi persatuan. Begitulah juga keadaannya dengan negara. Perlembagaan negara menetapkan supaya dilantik Ketua Negara dan seorang Timbalan Ketua Negara.

Di samping itu terdapat juga pegawai-pegawai yang menjalankan kuasa-kuasa pemerintahan. Pegawai-pegawai ini ialah ahli-ahli Majlis Kerja. Ahli-ahli majlis ini disebut Jemaah Menteri. Mereka diketuai oleh seorang menteri yang memegang jawatan Perdana Menteri.

Pemerintahan Malaysia berdasarkan kepada pemerintahan raja berperlembagaan. Perlembagaan negara beraja kita menetapkan bahawa Ketua Negara dan Timbalan Ketua Negara mestilah seorang raja yang memerintah salah sebuah negeri dalam Malaysia.

Ketua Negara ini dikenali dengan nama Yang di-Pertuan Agong. Perlantikan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong dibuat secara demokrasi melalui pemilihan yang dibuat dalam persidangan Majlis Raja-raja.

Yang di-Pertuan Agong Mempunyai Kuasa Pemerintah

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah lambang negara dan lambang perpaduan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, keturunan, kebudayaan, agama dan kepercayaan. Baginda menjalankan pemerintahan negara mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan inilah yang memberikan kuasa pemerintahan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Seri Paduka mengatasi segala undang-undang dan orang yang ada di Malaysia. Oleh yang demikian, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidaklah boleh didakwa dalam sebarang perbicaraan di mahkamah. Permaisuri baginda pula digelar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, iaitu mengambil keutamaan mengatasi semua orang lain di negara ini



selepas Yang di-Pertuan Agong.

Walau bagaimanapun, kedua-duanya, iaitu Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong mestilah dilantik oleh Majlis Raja-raja. Seri Paduka Baginda berdua akan memegang jawatan-jawatan itu untuk tempoh lima tahun. Bagaimanapun, Majlis Raja-raja juga boleh memecat kedua-duanya dari jawatan masing-masing.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong – lambang pemerintahan raja berperlembagaan.

Majlis Raja-raja

Majlis ini mempunyai ahli yang terdiri daripada semua Sultan bagi Negeri-negeri Melayu, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Raja bagi Negeri Perlis, dan Yang Dipertua bagi Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

Negeri-negeri yang bersultan ialah Johor, Pahang, Selangor, Perak, Kedah, Terengganu dan Kelantan. Majlis ini mempunyai satu Mohor Besar Raja-raja atau Lambang. Mohor ini disimpan dan dijaga oleh seorang yang bergelar "Penyimpan Mohor Besar Raja-raja". Pemegang mohor ini juga bertindak sebagai Setiausaha kepada Majlis. Ia akan terus memegang kedua-dua jawatan tersebut selagi Majlis Raja-raja berkenan kepadanya.

Di antara tugas Penyimpan Mohor ini ialah memanggil Majlis bersidang, apabila dikehendaki oleh Yang di-Pertuan Agong. Tetapi Penyimpan Mohor juga boleh memanggil Majlis bermesyuarat jika diarah atau ditugaskan oleh tidak kurang tiga orang daripada ahli Majlis itu.

Penyimpan Mohor boleh juga memanggil Majlis bersidang dengan tujuan memilih bakal Yang di-Pertuan Agong. Persidangan atau mesyuarat itu hendaklah diadakan tidak lewat dari empat minggu sebelum tamatnya tempoh jawatan Yang di-Pertuan Agong, atau apabila kekosongan berlaku dalam jawatan tersebut, atau untuk memilih jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.



Tugas Majlis

Sungguhpun semua Yang Dipertua Negeri menjadi ahli Majlis Raja-raja, tetapi mereka tidak boleh menyertai mana-mana persidangan atau mesyuarat yang bertujuan memilih atau memecat Yang di-Pertuan Agong atau Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Mereka juga tidak boleh menyertai mesyuarat atau persidangan yang berhubung dengan keistimewaan, kedudukan, kehormatan dan kebesaran Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja ataupun perkara-perkara yang berhubung dengan perbuatan, amalan atau upacara agama.

Majlis juga bertindak memberikan nasihat mengenai pelbagai hal kepada Yang di-Pertuan Agong. Di antaranya ialah tentang perlantikan seseorang untuk jawatan-jawatan tertentu, mempersetujui atau tidak undang-undang yang mengubah sempadan sesebuah negeri atau yang menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran raja-raja. Majlis ini juga mempunyai kuasa sama ada mempersetujui atau tidak mempersetujui apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama yang meliputi seluruh Persekutuan, kecuali bagi Sabah dan Sarawak.

Kuasa Majlis

Majlis boleh juga menimbangkan soal-soal mengenai dasar negara (misalnya mengenai perubahan dasar imigresen) atau apa-apa juga perkara lain yang difikirkan patut. Apabila Majlis Raja-raja menimbangkan perkara-perkara mengenai dasar negara ataupun mengenai keadaan negara seluruhnya, Yang di-Pertuan Agong akan diiringi oleh Perdana Menteri sementara Raja-raja dan Yang Dipertua Negeri pula diiringi oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri masing-masing.

Yang di-Pertuan Agong akan menjalankan tugas-tugas ini dengan nasihat Jemaah Menteri. Sementara Raja-raja dan Yang Dipertua Negeri pula mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri masing-masing.



Mesyuarat Majlis Raja-raja, – menjamin keistimewaan, kedudukan, kehormatan dan kebesaran Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja, serta menjaga kesucian agama Islam.


Parlimen dan Dewan Perundangan Negeri atau mana-mana badan perundangan tidak boleh meluluskan undang-undang yang menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran raja-raja. Undang-undang mengenai perkara ini hanya boleh diluluskan oleh Parlimen ataupun Dewan Perundangan Negeri setelah mendapat persetujuan dari Majlis Raja-raja.

Dari segi pentadbiran, Majlis Raja-raja akan diminta memikirkannya sebelum dibuat apa-apa perubahan mengenai dasar tentang tindakan pentadbiran yang khusus seperti peruntukan kuota dalam perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan dan permit-permit seperti yang tertulis dalam perlembagaan.

Pemilihan Agong

Sebaik sahaja pemilihan Yang di-Pertuan Agong itu dijalankan dan Raja yang dipilih itu pula berkenan dengan perlantikan tersebut, Penyimpan Mohor Raja-raja akan mengisytiharkan nama Yang di-Pertuan Agong. Dia juga memberitahu keputusan itu secara bertulis kepada kedua-dua Majlis Parlimen iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat.


Sebelum menjalankan tugas, Yang di-Pertuan Agong akan mengangkat sumpah dan menandatangani satu sumpah jawatan di hadapan Majlis Raja-raja dan Ketua Hakim Negara. Sumpah itu disaksikan serta ditandatangani oleh dua orang yang dilantik oleh Majlis Raja-raja khusus bagi tujuan ini.



Istana Negara – kediaman rasmi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.







Sebahagian daripada alat atau lambang kebesaran raja-raja.



Tegahan bagi Ketua Negara

Sungguhpun Yang di-Pertuan Agong menjadi Ketua Negara, namun ada beberapa perkara yang tidak boleh dilakukan oleh Seri Paduka sebagaimana yang tercatat dalam Perlembagaan Persekutuan Bahagian 4, Bab 1 perkara 34. Sebahagian daripada tegahan itu adalah seperti berikut:

(a) Tidak boleh menjalankan tugas-tugas sebagai Raja di negeri baginda, kecuali tugas-tugas sebagai Ketua Agama Islam di negeri itu;

(b) Tidak boleh memegang apa-apa jawatan yang berpendapatan;

(c) Tidak boleh bergiat dalam perniagaan;

(d) Tidak boleh menerima apa-apa jenis pendapatan yang dibayar kepada baginda sebagai Raja negeri baginda di bawah peruntukan perlembagaan negeri itu atau peruntukan mana-mana undang-undang negeri;

(e) Tidak boleh, dengan tiada persetujuan Majlis Raja-raja, meninggalkan Persekutan selama lebih lima belas hari, kecuali kerana lawatan negara ke sesebuah negara lain.

Urusan Negara

Adalah sukar bagi sesiapa pun di Malaysia ini mendapat kuasa memerintah jika tidak mendapat mandat atau amanah dari rakyat sepenuhnya. Mandat rakyat ini diperolehi melalui pilihanraya.

Sungguhpun kuasa pemerintahan terletak di tangan Ketua Negara iaitu Yang di-Pertuan Agong, tetapi ini tertakluk kepada undang-undang Persekutuan. Seri Paduka boleh menjalankan pemerintahan itu sendiri ataupun memberikan kuasa kepada Jemaah Menteri untuk menjalan dan melaksanakan tugas-tugas tersebut. Apa yang sebenarnya berlaku, hampir semua urusan negara dijalankan atau diuruskan oleh Jemaah Menteri setelah mendapat perkenan dari Yang di-Pertuan Agong.

Sebelum menjalankan tugas baginda, Seri Paduka terlebih dahulu mendapat nasihat dari Jemaah Menteri atau Perdana Menteri. Seri Paduka juga berhak meminta apa-apa maklumat mengenai pemerintahan negara dari Jemaah Menteri atau Perdana Menteri apabila diperlukan.

Selain dari itu, perlembagaan juga menetapkan bahawa Seri Paduka ialah Panglima Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia. Seri Paduka juga mempunyai kuasa untuk mengampun dan menangguhkan hukuman mengenai segala kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera.

Yang di-Pertuan Agong juga adalah Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Dengan hal yang demikian, mahkamah-mahkamah yang ditubuhkan oleh undang-undang bagi mengawal hal-ehwal Agama Islam di negeri-negeri itu terletak di bawah kuasa Seri Paduka. Sementara itu, Raja-raja atau Yang Dipertua Negeri berkuasa mengampun atau menangguhkan hukuman-hukuman mengenai kesalahan-kesalahan lain yang berlaku di negeri masing-masing.

Perlembagaan juga mengadakan satu peruntukan yang membolehkan ditubuhkan sebuah Jemaah Pengampunan di tiap-tiap negeri dalam Malaysia. Jemaah ini mengandungi ahli-ahli yang terdiri daripada Peguam Negara Persekutuan, Menteri Besar atau Ketua Menteri bagi negeri itu. Jemaah ini juga mempunyai tidak lebih daripada tiga orang ahli yang dilantik oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri.

7 Parlimen

Hubungan Parlimen dengan Kita

SETIAP keputusan yang diluluskan oleh Parlimen melibatkan kehidupan rakyat sehari-hari. Kita mempunyai hubungan yang rapat dengan Parlimen dalam kehidupan sehari-hari.

Dalam sebuah negara demokrasi berparlimen seperti Malaysia, maka Parlimenlah yang paling tinggi kerana salah satu tugasnya ialah membuat dan meluluskan undang-undang. Setiap undang-undang yang dikuatkuasakan melibatkan kehidupan kita sehari-hari. Bagaimanapun ada juga undang-undang itu tidak terlibat dengan kita secara langsung tetapi berkaitan juga dengan kehidupan negara kita. Misalnya, Parlimen meluluskan satu undang-undang bagi mengawal orang asing, iaitu bukan warganegara, daripada bekerja di Malaysia. Sungguhpun ia hanya melibatkan orang asing, tetapi faedahnya ialah kepada warganegara atau rakyat Malaysia sendiri. Ini kerana apabila orang asing ditegah atau dilarang bekerja di negara ini, bererti peluang-peluang pekerjaan yang dulunya dinikmati oleh rakyat negara asing, sekarang terbuka kepada rakyat negara ini sendiri. Hal seperti ini berlaku semasa Persekutuan Tanah Melayu baru mencapai Kemerdekaan.

Undang-undang yang diluluskan itu memberi kuasa kepada sesuatu jabatan atau badan, kadangkala kepada menteri berkenaan, cara-cara melaksanakan peraturan seperti yang ditetapkan dalam undang-undang itu. Setiap kenderaan bermotor, misalnya mestilah mempunyai insuran bagi membolehkan tuan punya kereta itu mendapat lesen cukai jalan. Tanpa cukai jalan kereta berkenaan tidak boleh menggunakan jalan raya dan tanpa insuran pula tuan punya kereta tidak boleh mendapat lesen cukai jalan.

Ini adalah di antara peraturan yang ditetapkan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang lalulintas. Undang-undang lalulintas atau ordinan lalulintas juga ada memberi kuasa kepada pihak berkuasa seperti polis dan Jabatan Pengangkutan menyaman atau mengenakan bayaran kompaun kepada mereka yang melanggar undang-undang itu. Malahan, mahkamah juga diberi kuasa oleh undang-undang berkenaan untuk mengenakan hukuman atau denda terhadap mereka yang disabitkan kesalahan apabila seseorang yang dituduh melanggar undang-undang tersebut dibicarakan di mahkamah.

Cukai yang dipungut oleh kerajaan juga diluluskan oleh Parlimen. Begitu juga dengan wang peruntukan bagi membina berbagai-bagai kemudahan awam untuk rakyat, seperti pusat-pusat kesihatan, hospital, sekolah dan balai polis. Semuanya diluluskan oleh Parlimen melalui peruntukan pembangunan kerajaan. Wang

peruntukan bagi membayar gaji guru, pegawai kerajaan, bil-bil api dan air sekolah dan banyak lagi juga diluluskan oleh Parlimen melalui peruntukan belanja mengurus kerajaan. Peruntukan pembangunan dan peruntukan belanja mengurus negara biasanya diluluskan oleh Parlimen pada akhir setiap tahun untuk tahun hadapannya. Kedua-duanya disebut Belanjawan Negara bagi tahun berikutnya.

Kita juga jarang mengkaji, malahan kurang ingin tahu bahawa barang-barang yang kita gunakan seperti pakaian dan makan minum kita juga mempunyai hubungan dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh undang-undang, dan undang-undang ini pula diluluskan oleh Parlimen. Minuman pati oren dalam botol, misalnya, mestilah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan, umpamanya mestilah mengandungi bahan perasa dan bahan pewarna yang ditetapkan. Bahan-bahan tersebut tidak boleh melebihi had yang ditetapkan oleh peraturan. Jika kedua-dua bahan itu dicampurkan melebihi hadnya ke dalam pati oren, sudah tentu akan membahayakan orang yang meminumnya. Peraturan-peraturan ini ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

Daging lembu atau kambing yang kita beli dari pasar juga demikian halnya. Daging tersebut mestilah tidak mengandungi sebarang kuman yang memudaratkan. Bagi memastikan keadaan ini, maka setiap lembu atau kambing yang hendak disembelih



Penjual daging di pasar harus mematuhi segala peraturan yang ada.



Peraturan di jalan raya – harus dipatuhi dan dihormati oleh orang ramai.



Pekedai mesti meletakkan tanda harga pada setiap barang jualan mereka.

mestilah bebas dari sebarang penyakit atau membawa kuman. Pegawai-pegawai haiwan, mengikut peraturan, mestilah terlebih dahulu memeriksa binatang-binatang ternakan itu sebelum disembelih. Peraturan seperti ini dikehendaki oleh undang-undang yang memberi kuasa kepada pihak tertentu, Jabatan Veterina atau Jabatan Haiwan, untuk menentukan peraturan sedemikian.

Harga jualan barang-barang perlu juga ditetapkan oleh peraturan. Ini supaya orang ramai tidak menjadi mangsa sama ada harganya terlalu mahal ataupun sukar mendapatkan bahan tersebut, misalnya barang-barang perlu sengaja disorok untuk mendapat harga yang tinggi atau keuntungan yang berlebihan. Pegawai-pegawai penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian boleh bertindak kerana adanya undang-undang ataupun peraturan yang memberi kuasa kepada mereka untuk bertindak. Jika tidak ada undang-undang atau peraturan sedemikian, pegawai-pegawai ini tidak boleh bertindak dan jika mereka melanggar peraturan atau undang-undang tersebut, mereka juga melakukan kesalahan.

Sebagaimana kita ketahui, bahawa ahli Dewan Rakyat mewakili rakyat dalam sesuatu kawasan pilihanraya. Merekalah mewakili rakyat dalam Parlimen semasa membahas atau mendebatkan sesuatu rang undang-undang. Secara tidak langsung melalui wakil kita, parlimen mempunyai hubungan yang rapat dengan kita semua.

Oleh kerana wakil rakyat itu mewakili kita, maka mereka juga boleh menyoal menteri-menteri di Parlimen mengenai tindakan-tindakan atau keputusan yang diambil oleh seseorang menteri, kementeriannya ataupun kerajaan terhadap sesuatu perkara.

Wakil rakyat yang mewakili kita itu juga boleh mendapatkan sesuatu penjelasan dari seseorang menteri mengenai sesuatu kuasa yang dilaksanakannya. Misalnya, Menteri Pelajaran akan ditanya

oleh seorang anggota Parlimen sejauh manakah kementeriannya telah mengambil langkah bagi memastikan setiap sekolah rendah mendapat buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks Kementerian Pelajaran, sebelum bermulanya penggal pertama persekolahan setiap tahun. Menteri berkenaan terpaksa memberikan penjelasannya.

Soal jawab lisan dalam Parlimen diadakan setiap kali Parlimen iaitu Dewan Rakyat atau Dewan Negara bersidang. Pada kebiasaannya soal jawab atau pertanyaan mulut ini diadakan pada awal sidang Dewan dimulakan pada setiap hari ia bersidang. Selalu juga wakil rakyat di Dewan Rakyat bertikam lidah dengan menteri atau timbalan menteri atau setiausaha parlimen kerana jawapan yang diberikan itu tidak jelas, atau jawapan yang diberikan itu tidak memenuhi soalan yang ditanya. Dalam keadaan inilah banyak soalan tambahan dikemukakan oleh ahli-ahli dewan dan menteri-menteri atau timbalan menteri ataupun setiausaha parlimen terpaksa menjawabnya. Bolehlah juga kita anggapkan bahawa ahli Parlimen di Dewan Rakyat bertindak sebagai wakil kita mengemukakan soalan-soalan itu kerana pada kebiasaannya perkara-perkara yang dibangkitkan itu ialah untuk faedah rakyat.

Dalam membahaskan sesuatu rang undang-undang ataupun membahaskan sesuatu peruntukan, ahli-ahli Parlimen di Dewan Rakyat biasa mengemukakan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk dalam kawasan pilihanraya. Masalah-masalah itu termasuklah ketiadaan bekalan air paip, jalan yang rosak, dan banyak lagi. Mereka juga seringkali meminta agar kerajaan mengadakan bangunan sekolah baru, menambahkan bilangan guru yang berpengalaman di kawasannya dan banyak lagi. Memandangkan keadaan inilah maka tidak dapat dinafikan lagi bahawa sememangnyalah Parlimen mempunyai hubungan dan erti yang besar dengan kehidupan kita sehari-hari.

Apakah Parlimen?

Parlimen mengandungi Ketua Negara iaitu Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara atau Dewan Senat dan Dewan Rakyat. Semua undang-undang Kerajaan Persekutuan mestilah diluluskan oleh Parlimen.

Sungguhpun Jemaah Menteri mempunyai kuasa-kuasa memerintah negara, tetapi mereka mestilah bertanggungjawab kepada Parlimen. Mereka mestilah tunduk kepada keputusan-keputusan Parlimen. Mereka tidaklah boleh menjalankan tugas-tugas dan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Parlimen itu sesuka hati mereka.

Dewan Negara

Anggota Dewan Negara

Dewan Negara mempunyai ahli seramai 69 orang (tertakluk kepada pindaan perlembagaan). Tiap-tiap negeri di Malaysia, iaitu 13 buah semuanya, diwakili oleh dua orang ahli dan ini menjadikan jumlahnya 26 orang. 43 orang lagi (tertakluk kepada pindaan perlembagaan) adalah ahli-ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ialah mereka yang telah membuat jasa kepada negara. Ini termasuklah mereka yang telah banyak membuat jasa cemerlang dalam perkhidmatan awam atau yang telah mencapai kepujian yang tinggi dalam lapangan ikhtisas, perdagangan, perusahaan dan pertanian. Turut dipertimbangkan adalah juga mereka yang telah bergiat dengan jayanya dalam lapangan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat, atau yang mewakili kaum-kaum yang kecil bilangannya di negara ini, ataupun mereka yang mempunyai kebolehan mewakili orang asli.

Ini menunjukkan ahli-ahli Dewan Negara adalah mewakili kumpulan-kumpulan dalam pelbagai lapangan kehidupan. Nyatalah sekarang semua warganegara Malaysia diwakili dalam Dewan Negara yang menjaga dan memperjuangkan hak-hak mereka.

Wakil Negeri

Wakil-wakil negeri pula terdiri daripada mereka yang difikirkan oleh kerajaan-kerajaan negeri boleh mewakili kepentingan negeri-negeri itu dalam Dewan Negara. Yang di-Pertuan Agong akan memberitahu sultan-sultan atau Yang Dipertua Negeri supaya negeri-negeri itu melantik wakil masing-masing ke Dewan Negara apabila berlakunya kekosongan wakil dari negeri-negeri berkenaan. Sebaik sahaja menerima makluman dari Yang di-Pertuan Agong itu, sultan-sultan berkenaan atau Yang Dipertua Negeri bertindak untuk melantik wakil negeri. Sultan-sultan atau Yang Dipertua Negeri kemudian memerintah atau mengarahkan Dewan Undangan Negeri membuat perlantikan itu.

Menurut perintah atau arahan itu, maka Dewan Undangan Negeri berkenaan pun mengadakan mesyuaratnya dan memilih wakil atau wakil-wakil berkenaan. Biasanya, Menteri Besar atau wakilnya akan mengemukakan nama calon yang akan dilantik itu.

Seseorang yang dilantik menjadi ahli Dewan Negara akan memegang jawatan tersebut selama tempoh tiga tahun. Walaupun demikian mereka boleh meletakkan jawatan atau diberhentikan pada bila-bila masa. Ahli Dewan Negara mestilah sekurang-kurangnya berumur 30 tahun.

Yang Dipertua Dewan Negara

Dewan Negara mempunyai seorang Yang Dipertua atau Pengerusi dan seorang Timbalan Yang Dipertua. Yang Dipertua akan menjadi pengerusi mesyuarat apabila Dewan mengadakan sidangnya; Timbalan Yang dipertua akan menjadi pengerusi mesyuarat semasa ketiadaan Yang Dipertua. Kedua-duanya mestilah menjadi ahli Dewan tersebut. Sebelum Dewan Negara memulakan mesyuaratnya, iaitu pada setiap kali selepas Parlimen dibubarkan, para Senator yang semuanya baru dilantik, akan memilih Yang Dipertua Dewan. Mereka juga akan memilih Timbalan Yang Dipertua sebelum Dewan memulakan mesyuaratnya. Dewan tidak boleh menjalankan urusannya selagi tidak mempunyai Yang Dipertua.

Mesyuarat hanya boleh diadakan khusus untuk memilih seorang Yang Dipertua, sebelum mengadakan mesyuarat-mesyuarat berikutnya. Kedua-duanya, iaitu Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua, akan berhenti daripada jawatan mereka apabila tamat tempoh perkhidmatan sebagai Ahli Dewan Negara.

Perlembangaan Persekutuan membenarkan seseorang ahli Dewan Undangan Negeri dilantik atau dipilih menjadi Yang Dipertua Dewan Negara. Tetapi ia hendaklah terlebih dahulu meletakkan jawatannya daripada menjadi ahli Dewan Undangan Negeri sebelum menjalankan tugasnya sebagai Yang Dipertua Dewan Negara. Dewan itu juga mempunyai seorang Setiausaha.

Dewan Rakyat

Anggota Dewan Rakyat


Dewan Rakyat mengandungi ahli-ahli terdiri daripada 177 orang. Mereka adalah yang dipilih secara langsung oleh rakyat melalui pilihanraya dalam kawasan pilihanraya Parlimen di setiap negeri. Dalam pilihanraya seperti ini, parti-parti politik akan meletakkan calon-calon untuk bertanding dalam kawasan-kawasan pililihanraya Parlimen yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya ini dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Seri Paduka terlebih dahulu berunding

dengan Majlis Raja-raja sebelum perlantikan Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya itu dibuat. Suruhanjaya ini adalah bebas dari sebarang pengaruh parti politik dan tidak menyebelahi mana-mana pihak dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya.

Daripada jumlah 177 orang anggota Dewan Rakyat, 132 orang ialah wakil dari 11 buah negeri di Semenanjung Sarawak diwakili oleh 24 orang ahli, 20 orang adalah wakil dari negeri Sabah dan seorang wakil dari Wilayah Persekutuan Labuan. Jumlah ahli Dewan Rakyat adalah lebih besar dari ahli Dewan Negara. Walau bagaimanapun, jumlah ahli Dewan Rakyat boleh ditambah berdasarkan kepada undang-undang yang dibuat di Parlimen itu sendiri. Sebarang perubahan bilangan ahli Dewan Rakyat, iaitu bagi kawasan pilihanraya Parlimen dan juga ahli Dewan Negara, memerlukan pindaan perlembagaan negara. Begitu juga, bilangan ahli atau kerusi Dewan Undangan Negeri, iaitu bagi kawasan




Ibu Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya – sebuah badan bebas yang mengendalikan dan mengawasi perjalanan pilihanraya di negara kita.




pilihanraya Dewan Undangan Negeri, memerlukan pindaan kepada perlembagaan negeri.

Anggota Dewan Rakyat bukan sahaja bergantung kepada jumlah penduduk sesuatu kawasan pilihanraya Parlimen, tetapi juga bergantung kepada pembangunannya. Jika sesebuah negeri itu lebih ramai penduduknya dan lebih luas kawasannya, sudah tentu negeri itu akan mempunyai lebih banyak kawasan pilihanraya Parlimen dan dengan itu lebih ramailah wakilnya bagi Dewan Rakyat. Negeri Perlis yang kecil, misalnya, mempunyai bilangan wakil rakyat yang lebih kecil dibandingkan dengan Johor atau Selangor ataupun Pahang, yang lebih luas kawasannya dan mempunyai lebih ramai penduduk.

Tidak seperti Dewan Negara, ahli-ahlinya dari wakil negeri adalah tetap, tidak kira sama ada negeri itu kecil atau besar dan sama ada jumlah penduduknya ramai atau tidak. Tiap-tiap negeri





Bangunan Parlimen – lambang pemerintahan demokrasi di negara ini. Di sinilah undang-undang yang hendak digubal diperbahaskan terlebih dahulu.

mempunyai dua orang wakil dalam Dewan Negara. Bagaimana-pun, seseorang tidak boleh menjadi ahli kepada kedua-dua Dewan pada satu masa yang sama.

Dalam apa hal pun, menteri-menteri boleh menghadiri dan mengambil bahagian dalam sebarang perbahasan dalam kedua-dua Dewan, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara, yang menyentuh dasar-dasar mengenai kementerian masing-masing.

Seperti Dewan Negara, Dewan Rakyat juga mempunyai seorang Yang Dipertua atau disebut juga sebagai Speaker dan dua orang Timbalan Yang Dipertua atau Timbalan Speaker. Dewan Rakyat juga tidak boleh mengadakan mesyuarat selagi tidak mempunyai Yang Dipertua. Tetapi Dewan Rakyat boleh menjalan-kan mesyuarat hanya dengan tujuan memilih seorang Yang Diper-tua. Selain itu, Dewan Rakyat juga mempunyai seorang Setiausaha.

Semua anggota Dewan Negara dan Dewan Rakyat mestilah mengangkat sumpah dan menurunkan tandatangan mereka di hadapan Yang Dipertua Dewan masing-masing. Seseorang ahli Dewan tidak boleh mengambil tempat dan memulakan tugasnya selagi ia tidak mengangkat sumpah jawatan.

Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara boleh bertitah dalam mana-mana Dewan atau dalam kedua-duanya sekaligus pada masa yang serentak. Selalunya Seri Paduka akan bertitah ketika merasmikan penggal persidangan Parlimen. Dalam titah diraja dalam istiadat ini, Seri Paduka Baginda akan menyatakan dasar-dasar kerajaan yang lalu dan juga dasar-dasar baru kerajaan dalam tahun-tahun akan datang. Ini termasuklah kejayaan keraja-an dan negara dalam tahun-tahun yang lalu dan rancangan-rancangan pembangunan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan pada masa-masa akan datang serta dasar dalam dan luar negara.

Saraan Ahli Dewan

Saraan ahli Parlimen, iaitu ahli bagi kedua-dua Dewan, ditetapkan oleh Parlimen sendiri melalui satu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen. Setiausaha Dewan Rakyat dan Setiausaha Dewan Negara dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan mereka boleh meletakkan jawatan pada bila-bila masa. Selain itu Parlimen juga mempunyai kakitangan lainnya sendiri.

Belanjawan Negara

Jika kita membaca berita di akhbar, mendengar radio atau menonton televisyen, selalu kita mendengar berita Dewan Rakyat membahas atau mendebatkan belanjawan negara bagi satu-satu

tahun. Setiap kali Dewan Rakyat dan Dewan Negara bersidang pada hujung tahun (selalunya sidang Dewan Rakyat dimulakan dalam bulan Oktober), disebut sidang atau mesyuarat belanjawan bagi tahun depan. Ini selalunya diikuti pula oleh mesyuarat Dewan Negara yang juga membahaskan belanjawan negara.

Apabila Parlimen membahaskan belanjawan, kita akan dapat menatap berita atau mendengar laporan sidang Parlimen bagaimana-na wakil rakyat menimbulkan perkara-perkara mengenai masalah dan kesusahan yang dihadapi oleh rakyat yang mereka wakili, iaitu para pengundinya. Mereka dipilih oleh pengundi dalam pilihan-raya, maka sudah tentulah mereka akan mewakili para pengundi menyuarakan segala masalah dan permintaan mereka terhadap kerajaan dalam Parlimen. Jika mereka dapati wakil rakyat mereka itu tidak menjalankan tugas yang sepatutnya, besar kemungkinan mereka tidak akan memilihnya lagi dalam pilihanraya akan datang.

Parlimen akan membahaskan semua hal dan urusan kerajaan termasuklah belanjawan negara setiap tahun. Perbelanjaan negara meliputi biaya bagi melaksanakan rancangan-rancangan pem-bangunan dan biaya menguruskan negara, seperti membayar gaji kakitangan dalam perkhidmatan kerajaan. Belanjawan berasal dari perkataan 'belanja', iaitu wang yang dikeluarkan untuk membiayai projek-projek dan menguruskan pelbagai perkhidmatan. Butir-butir belanjawan kerajaan disusun dan dirangka oleh pakar-pakar dan pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan kerajaan, khasnya di perbendaharaan, iaitu Kementerian Kewangan. Biasanya be-lanjawan negara dibentangkan di dalam Parlimen oleh Menteri Kewangan.

Kerajaan mestilah mempunyai wang untuk melaksanakan projek-projek dan mentadbirkan negara, termasuk mengambil pegawai dan kakitangan baru serta mengendalikan berbagai-bagai perkhidmatan untuk rakyat. Wang untuk tujuan ini adalah wang rakyat yang diperolehi melalui berbagai-bagai cara seperti cukai dan bayaran lesen, dan semua pungutan ini dilaksanakan setelah diluluskan oleh Parlimen.


Bagaimana Undang-undang Dibuat

Pada permulaan bahagian Parlimen, kita telah mengetahui bahawa segala keputusan yang diambil atau dibuat oleh Parlimen mempunyai kaitan yang rapat dengan kehidupan kita setiap hari. Kita juga mengetahui bahawa Parlimen ialah sebuah badan per-undangan tertinggi di negara ini dan dengan itu setiap undang-undang negara dibuat oleh Parlimen. Kita juga dapati bahawa

Parlimen mengandungi Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Semua undang-undang yang dibuat oleh Parlimen adalah atas nama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara.

Dalam bahagian ini kita akan mengikuti lebih lanjut mengenai bagaimana sesuatu undang-undang itu dibuat dan seterusnya dipatuhi oleh semua orang.

Sebelum sesuatu undang-undang itu dibuat, ia terpaksa melalui beberapa proses. Kerajaan yang mentadbir dan menguruskan negara memerlukan sesuatu undang-undang untuk melaksanakan sesuatu projek. Tanpa undang-undang, sudah tentu kerajaan tidak dapat melaksanakan projek berkenaan. Kerajaan terpaksa menggubal undang-undang yang diperlukan itu dan seterusnya mengemukakannya kepada Parlimen untuk diluluskan.


Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

RANG UNDANG-UNDANG

Rang undang-undang adalah rangka undang-undang yang harus terlebih dahulu dibahaskan sebelum diluluskan oleh Parlimen.

Boleh kita katakan sesuatu undang-undang itu bermula dari keputusan sesebuah kementerian. Apabila kementerian itu hendak melaksanakan satu projek atau peraturan baru, maka kementerian berkenaan akan membuat rangka atau menggubal rang undang-undang mengenai peraturan yang hendak dilaksanakan itu. Bolehlah kita mengambil contoh yang mudah, katakanlah sebuah "Badan Pencegah Dadah" hendak ditubuhkan. Badan ini, misalnya, akan menjadi sebuah badan berkuasa sepenuhnya menjalankan tindakan menghapuskan kegiatan dadah di negara ini. Badan ini juga mempunyai kuasa yang berasingan dari mana-mana badan seperti Pasukan Polis Diraja atau Badan Kebajikan Masyarakat.

Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri adalah kementerian yang bertanggungjawab mengenai dadah, oleh itu kementerian inilah yang menggubal rangka undang-undang itu. Rangka undang-undang itu digubal oleh para pegawai kementerian berkenaan dengan kerjasama pakar-pakar perundangan dari pejabat Peguam Negara. Jemaah Menteri pula sudah pun bersetuju pada dasarnya mengenai badan yang hendak ditubuhkan itu.

Siap sahaja rangka undang-undang yang dicadangkan itu, rangka undang-undang tersebut akan diserahkan kepada menteri berkenaan untuk diluluskan. Jika menteri itu tidak begitu puas hati, rangka undang-undang itu akan diperbaiki sehinggalah dipersetujui oleh menteri.

Menteri berkenaan kemudian akan membentangkan rangka itu kepada mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri, semasa ketiadaan Perdana Menteri. Mesyuarat itu akan membincangkan secara panjang lebar mengenai rangka undang-undang yang dicadangkan

itu. Jika Jemaah Menteri bersetuju, maka rangka undang-undang pun diluluskannya. Jika Jemaah Menteri tidak mempersetujuinya, ia mungkin terpaksa dipinda dan disesuaikan dengan kehendak-kehendak keputusan mesyuarat Jemaah Menteri. Rangka undang-undang itu ketika ini disebut rang undang-undang.

Pekerjaan menggubal sesuatu rang undang-undang itu memakan masa yang panjang. Semua perkara dan kepentingan terpaksa dikaji dan diteliti. Misalnya, dalam soal penubuhan 'Badan Pencegah Dadah' tadi, para pegawai dan peguam yang menggubal rang undang-undang itu terpaksa meneliti beberapa soalan. Di antaranya, siapakah yang patut diberi kuasa menangkap? Siapakah yang diberi kuasa menjalankan penyiasatan? Siapakah yang patut menjalankan pendakwaan di mahkamah? Mereka juga harus memberi tafsiran mengenai siapa yang dikatakan pembekal dadah itu, dan siapa pula pengedar dan penagih dadah itu.

Semua ini diberikan tafsiran yang jelas dalam rang undang-undang itu. Kesan-kesannya kepada orang ramai juga diteliti dan dikaji apabila rang undang-undang itu menjadi undang-undang dan seterusnya dikuatkuasakan kelak. Pendek kata dari perkara yang sekecil-kecilnya hinggalah perkara yang sebesar-besarnya yang hendak dijadikan sebahagian daripada undang-undang itu, terpaksa dikaji dan diteliti serta diberikan pertimbangan yang sewajarnya.



Jabatan Perdana Menteri – di sinilah Perdana Menteri menjalankan tugas-tugas rasminya dan mengadakan mesyuarat Jemaah Menteri.

Rang Undang-undang Dibentangkan di Parlimen

Apabila rang undang-undang selesai dibincangkan di peringkat Jemaah Menteri, barulah rang undang-undang itu dikemukakan kepada Parlimen. Sebelum dibentangkan di Parlimen, menteri atau timbalan menteri tersebut hendaklah menentukan sama ada rang undang-undang itu hendak dikemukakan kepada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara terlebih dahulu. Pada kebiasaannya, rang undang-undang dikemukakan kepada Dewan Rakyat terlebih dahulu dan setelah diluluskan oleh Dewan Rakyat barulah dikemukakan kepada Dewan Negara. Bagaimanapun, rang undang-undang bagi waktu Malaysia Standard yang menyeragamkan waktu di Semenanjung dengan waktu di Sabah dan Sarawak dalam tahun 1981, dibentangkan dalam Dewan Negara terlebih dahulu dan setelah diluluskan oleh Dewan Negara barulah dikemukakan kepada Dewan Rakyat.

Menteri atau timbalan menteri juga memberi notis kepada Dewan Rakyat, jika dibentangkan dalam Dewan Rakyat mengenai niatnya hendak mengemukakan satu rang undang-undang untuk dibahas dan diluluskan oleh Dewan. Setelah mendapat izin Speaker, rang undang-undang itu dibentangkan oleh menteri atau timbalan menteri sebagai bacaan kali pertama. Ketika mengemukakan rang undang-undang itu sebagai bacaan kali pertama, beliau akan memberitahu ahli-ahli Dewan sama ada bacaan kali keduanya akan dibuat dalam tempoh sidang itu atau dalam sidang Dewan yang lain. Rang undang-undang itu kemudiannya diedarkan kepada ahli-ahli Dewan Rakyat supaya ahli-ahli dapat meneliti dan mendalami rang undang-undang itu. Jika rang undang-undang itu dibacakan kali kedua dalam masa sidang yang sama, maka ia akan dibahaskan dan diluluskan dalam sidang itu juga.

Bacaan Kali Kedua

Pada kebiasaannya, semasa rang undang-undang itu dibacakan pada kali kedua, menteri atau timbalan menteri yang membentangkan akan berucap menerangkan prinsip-prinsip dan tujuan rang undang-undang itu dan juga menjelaskan beberapa fasal yang terdapat di dalamnya. Huraian dan latar belakang tentang rang undang-undang itu juga kadang-kadang diberikan.

Selesai berucap, beliau akan meminta izin dari Speaker Dewan Rakyat supaya rang undang-undang tersebut dibacakan kali keduanya dan dibahaskan. Speaker kemudian memberitahu ahli-ahli Dewan bahawa rang undang-undang itu sekarang dibuka untuk dibahaskan. Kadangkala Speaker menghadkan masa

perbahasan dan membenarkan beberapa orang sahaja ahli Dewan berucap. Sungguhpun demikian adakalanya pula sesuatu rang undang-undang itu diluluskan tanpa perbahasan.

Pada peringkat bacaan kali kedua, perbahasan akan dijalankan dalam dua peringkat. Dalam peringkat pertama rang undang-undang dibahaskan secara am, menyentuh tentang dasar rang undang-undang. Perbahasan peringkat kedua dilakukan dalam peringkat jawatankuasa.

Semasa Dewan membahaskan secara am yang menyentuh tentang dasar, ahli-ahli Dewan, iaitu wakil-wakil rakyat, akan menimbulkan berbagai-bagai perkara. Misalnya, mereka yang menyokong rang undang-undang itu turut memuji langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan mengadakan rang undang-undang serupa itu. Di samping itu mereka yang bangun berucap akan mengemukakan pandangan dan juga syor supaya kerajaan menimbangkannya dan memasukkannya ke dalam rang undang-undang itu.

Ahli-ahli pembangkang juga turut membahaskan rang undang-undang itu. Adakalanya pihak pembangkang juga menyokong rang undang-undang tersebut dan mengalu-alukannya di samping mengemukakan beberapa cadangan.

Selesai sahaja perbahasan, maka menteri atau timbalan menteri berkenaan akan menggulung dan menjawab hujah dan teguran yang dibangkitkan semasa perbahasan dijalankan. Tidak semua syor, hujah dan teguran akan dijawab. Ini disebabkan kesuntukan masa. Bagaimanapun, perkara-perkara yang penting akan mendapat jawapan segera, sementara yang lain akan dijawab dengan kata-kata, "Segala pandangan dan syor yang lainnya akan diberi pertimbangan...."

Sebelum duduk, menteri atau timbalan menteri yang menggulung perbahasan itu akan memberitahu Speaker bahawa rang undang-undang itu telah dibahaskan dan sekarang hendaklah dibahaskan dalam peringkat jawatankuasa, dengan kebenaran dari Speaker. Speaker kemudian memberitahu ahli-ahli Dewan bahawa Dewan sekarang bersidang di peringkat jawatankuasa.

Perbahasan Peringkat Jawatankuasa

Sebaik sahaja Speaker selesai memberitahu ahli-ahli Dewan, Cokmar Dewan Rakyat sebagai lambang kekuasaan yang berada di bahagian hadapan meja pegawai Dewan akan diturunkan sebagai tanda bahawa Dewan bersidang dalam peringkat jawatankuasa. Kedudukan ahli-ahli Dewan tidak berubah, sama seperti biasa. Apa

yang berbeza, peringkat jawatankuasa akan membincangkan rang undang-undang itu dengan memberikan tumpuan kepada fasal-fasal dalam rang undang-undang itu sahaja. Mereka akan meneliti secara terperinci fasal-fasal yang terdapat di dalamnya. Pegawai Dewan akan membacakan kira-kira begini, "Fasal 1 (A) menjadi sebahagian dari undang-undang ...."

Kemudiannya Speaker akan memberitahu ahli-ahli Dewan jika ada ahli yang ingin membuat teguran atau pindaan dan membahaskannya. Tetapi segala perbahasan mestilah tidak terkeluar dari fasal atau seksyen rang undang-undang yang dibahaskan itu. Pegawai Dewan akan meneruskan bacaan semua bahagian atau fasal dalam rang undang-undang sehingga selesai.

Menteri atau timbalan menteri berkenaan akan bangun sekali lagi. Kali ini beliau akan memberitahu Speaker bahawa setelah dibahas dan dipertimbangkan rang undang-undang itu diperingkat jawatankuasa, maka beliau meminta izin supaya rang undang-undang itu dilaporkan semula kepada sidang Dewan, iaitu mesyuarat am Dewan. Speaker kemudian memberitahu, "Dewan bersidang semula." Cokmar Dewan Rakyat akan diletakkan di tempat asal, iaitu di sebelah atas bahagian hadapan meja pegawai Dewan.

Rang Undang-undang Diluluskan

Sebaik sahaja Cokmar Dewan Rakyat diletakkan di tempat asalnya, Speaker sekali lagi memberitahu Dewan bahawa di hadapan mereka rang undang-undang ..... telah dibahaskan dalam semua peringkat untuk dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

"Mereka yang bersetuju kata bersetuju dan mereka yang tidak bersetuju kata tidak," kata Speaker.

"Bersetuju!" jawab ahli-ahli Dewan beramai-ramai. Kemudian Speaker menanyakan lagi ahli-ahli Dewan, "Siapa yang tidak bersetuju kata tidak."

Cokmar Dewan Rakyat.



Maka kedengaranlah satu atau dua suara sahaja. "Tidak!"

Speaker memberikan keputusannya. "Maka dipersetujukan!"

Pegawai Dewan yang duduk di hadapan Speaker sepanjang sidang akan membacakan rang undang-undang itu kali ketiga dan diluluskan. Begitulah sebahagian daripada proses bagaimana sesuatu rang undang-undang itu digubal, dibahas dan diluluskan sehingga ke peringkat Dewan Rakyat. Kita akan meninjau pula ke manakah rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat itu dibawa.

Ke Dewan Negara

Setelah melalui proses yang ditetapkan, Dewan Rakyat akan menghantarkan pula rang undang-undang itu kepada Dewan Negara untuk dibahaskan oleh para senator. Peraturan yang sama juga dijalankan di Dewan Negara. Rang undang-undang itu juga diedarkan kepada ahli-ahli Dewan supaya mereka dapat mengkaji dan menelitinya sebelum membahaskannya. Seperti di Dewan Rakyat, Menteri atau Timbalan Menteri akan membentangkannya dalam bacaan kali pertama. Dalam bacaan kali kedua, beliau juga akan memberi penjelasan dan berucap tentang prinsip-prinsip rang undang-undang seperti yang dibuat di Dewan Rakyat.

Habis sahaja penerangan dan penjelasan mengenai rang undang-undang tersebut, Yang Dipertua atau Presiden Dewan Negara akan memberitahu ahli-ahli Dewan, iaitu para senator, bahawa rang undang-undang..... berada di hadapan mereka untuk dibahaskan. Ramailah ahli Dewan bangun untuk berucap. Yang Dipertua Dewan akan menentukan siapa yang dibenarkan berucap dahulu bagi membahaskan rang undang-undang tersebut. Seorang demi seorang akan berucap membahaskannya.

Adakalanya perbahasan terhadap sesuatu rang undang-undang itu berjalan sehingga beberapa hari. Misalnya, rang undang-undang perbekalan, iaitu belanjawan negara, dibahaskan hingga beberapa hari baik di Dewan Rakyat mahupun di Dewan Negara. Masa bagi membahaskan rang undang-undang perbekalan atau belanjawan negara setiap tahun memang ditetapkan. Perbahasan di Dewan Rakyat sudah tentu akan lebih panjang kerana perbahasan juga dijalankan dalam peringkat jawatankuasa.

Wakil-wakil rakyat yang kita pilih dalam setiap pilihanraya Parlimen sudah tentu akan menumpukan perhatian yang penuh semasa belanjawan negara dibahaskan kerana wang yang akan dibelanjakan oleh kerajaan itu adalah wang rakyat. Maka ahli-ahli

Dewan Rakyat (wakil rakyat) mestilah membahaskannya dengan sepenuh hati kerana mereka berucap mewakili rakyat yang telah mengundi mereka. Dalam perbahasan di Dewan Negara, para senator juga akan mengeluarkan pendapat serta mengemukakan syor kepada kerajaan.

Seperti yang dinyatakan tadi, mesyuarat peringkat jawatankuasa tidak diadakan dalam Dewan Negara. Maka apabila bacaan kali kedua selesai, menteri dan timbalan menteri berkenaan akan memberitahu Yang Dipertua Dewan bahawa rang undang-undang itu telah pun dibahas dan dibincangkan dan sekarang dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

Yang Dipertua kemudian memberitahu ahli-ahli Dewan (senator) bahawa rang undang-undang itu telah pun dibahaskan dalam bacaan kali kedua dan sekarang akan dibacakan kali ketiga untuk diluluskan.

"Siapa bersetuju kata bersetuju dan yang tidak bersetuju kata tidak!" kata Yang Dipertua.

Maka suara ramai menjawab "bersetuju", tidak ada langsung yang menjawab "tidak".

"Maka dipersetujukan," kedengaran suara Yang Dipertua. Ini akan diikuti dengan suara pegawai Dewan yang duduk bertugas di hadapan Yang Dipertua dengan membacakan rang undang-undang bernama ..... dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

Dengan ini rang undang-undang tersebut telah pun diluluskan oleh Parlimen, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Bagaimanapun rang undang-undang itu terpaksa melalui dua lagi proses sebelum ia menjadi undang-undang dan boleh dikuatkuasakan.

Mula-mula, rang undang-undang itu mestilah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dengan menandatangani rang undang-undang itu. Ini memanglah sesuai dengan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Tambahan lagi Yang di-Pertuan Agong adalah sebahagian daripada Parlimen dan segala rang undang-undang yang dibentangkan kepada Parlimen adalah atas nama Yang di-Pertuan Agong seperti terkandung dalam bab mengenai Parlimen.

Dalam pemerintahan yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, sepatutnya tidak ada badan-badan lain atau kuasa lain yang boleh menyekat sesuatu rang undang-undang daripada diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong apabila telah diluluskan oleh Parlimen, iaitu badan tertinggi perundangan dalam sesebuah negara yang mengamalkan sistem itu.

Diperkenankan

Pada amalan biasa, Yang di-Pertuan Agong akan berkenan menandatangani rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen itu. Setelah mendapat perkenan diraja, rang undang-undang kini menjadi undang-undang. Sungguhpun demikian, undang-undang itu belum boleh lagi dikuatkuasakan. Di bawah pindaan perlembagaan tahun 1984, rang undang-undang itu akan menjadi undang-undang walaupun tidak ditandatangani setelah 60 hari ia dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong. Selepas sahaja menjadi undang-undang, ia pula terpaksa diwartakan dalam warta kerajaan. Kerja-kerja mewartakan undang-undang dilakukan oleh Parlimen seperti peraturan yang ada sekarang. Dalam warta itu disebutkan juga tarikh berkuatkuasanya undang-undang tersebut dengan ditandatangani oleh menteri berkenaan.

Sebaik sahaja undang-undang itu dikuatkuasakan, maka semua rakyat (jika undang-undang itu berkaitan dengan rakyat) terpaksalah mematuhi dan menjunjung tinggi undang-undang itu. Pihak berkuasa yang diberi kuasa menjalankan undang-undang itu juga terpaksalah mematuhinya. Mereka tidak boleh melakukan sesuka hati dalam melaksanakannya kerana ada pula pihak berkuasa yang akan memastikan sama ada undang-undang itu dilaksanakan dengan adil dan sempurna. Pihak yang lebih berkuasa itu ialah mahkamah dengan sistem pengadilan yang bebas dan tidak berat sebelah dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak pun.

Maka jelaslah sistem pemerintahan di negara kita mempunyai sistem yang memberikan hak kepada semua rakyat.

8 Kuasa Eksekutif

Jemaah Menteri

JEMAAH Menteri atau disebut juga Kabinet, terdiri daripada beberapa orang menteri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Anggota Jemaah Menteri ialah mereka yang kita pilih dalam Pilihanraya Parlimen ataupun mereka yang menjadi ahli Dewan Negara; kedua-duanya adalah ahli Parlimen juga.

Biasanya, anggota Jemaah Menteri terdiri daripada mereka yang menganggotai sebuah parti siasah sahaja, atau parti yang memerintah. Parti politik yang sama sudah tentu mempunyai dasar dan matlamat yang serupa dalam mengurus dan mentadbirkan negara atau apabila menyelesaikan sesuatu masalah. Sebuah parti politik akan mudah membuat keputusan bersama terhadap sesuatu perkara.

Fikirkanlah jika satu kumpulan orang mempunyai perbezaan pendirian, fahaman politik dan mempunyai matlamat yang berbeza apabila diberikan tanggungjawab menjalankan tugas atau membuat sesuatu keputusan. Sudah pasti mereka sukar mencapai kata sepakat dan mungkin tidak dapat membuat keputusan bersama. Bagaimana mereka dapat menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka? Mereka akan bertelingkah sesama sendiri dan sukar mendapat kata sepakat; akhirnya tugas yang diamanahkan itu tidak dapat dilaksanakan.

Di negara lain tidak sedemikian; mereka bertanding atas nama parti masing-masing. Apabila keputusan pilihanraya diketahui dan didapati memperolehi kemenangan kecil barulah diadakan perundingan dengan parti-parti lain untuk menubuhkan kerajaan campuran. Dalam keadaan terdesak sahaja mereka memikirkan





untuk mengadakan percantuman tenaga bagi memerintah negara. Ini adalah salah satu sebab kerajaan campuran yang sedemikian rupa selalu tumbang dan akibatnya keadaan negara kucar-kacir dan tidak stabil.

Kerajaan Campuran

Hal sedemikian seringkali berlaku dalam beberapa buah negara. Beberapa buah parti politik yang menang dalam sesuatu pilihanraya terlalu kecil untuk menubuhkan sebuah kerajaan. Maka beberapa buah parti politik bercantum untuk menubuhkan sebuah kerajaan campuran. Jika keadaan seperti ini berlaku, sudah tentu anggota kabinetnya akan terdiri daripada campuran ahli politik yang mempunyai dasar dan matlamat parti yang berlainan. Itu sebabnya seringkali kedudukan kerajaan campuran sedemikian tidak lama usianya. Kerajaan campuran seperti ini sering tumbang dan pilihanraya baru terpaksa diadakan. Akibatnya suasana politik negara tidak stabil dan sudah tentu ia menjejaskan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi, di samping menyusahkan rakyat. Setakat ini, keadaan seperti ini belum berlaku di Malaysia.

Apa yang berlaku di Malaysia, parti yang memerintah bergabung dengan beberapa buah parti politik yang mewakili kaum-kaum tertentu di negara ini untuk menubuhkan sebuah parti politik, iaitu Barisan Nasional. Semua calon dari parti-parti komponen dalam Barisan Nasional yang bertanding dalam sebarang pilihanraya akan bertanding atas nama Barisan Nasional dan bukan atas nama parti masing-masing. Mereka dianggap sebagai calon Barisan Nasional.





Potret Perdana Menteri kita – pemegang kuasa eksekutif tertinggi.

Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj, Perdana Menteri Pertama.

Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Kedua.

Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Ketiga.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohammad, Perdana Menteri Keempat.

Perlantikan Menteri

Adalah menjadi amalan biasa dalam mana-mana negara yang mengamalkan pemerintahan demokrasi berparlimen bahawa parti yang menang dengan kelebihan kerusi dalam Parlimen atau dalam Dewan Undangan Negeri akan diminta oleh Ketua Negara menubuhkan Kerajaan. Ketua Negara, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, akan memanggil Presiden atau pemimpin parti yang memenangi kerusi terbanyak itu untuk membentuk kerajaan. Yang di-Pertuan Agong melantik Perdana Menteri dan meminta beliau membentuk Jemaah Menterinya.

Perdana Menteri pula akan mengemukakan senarai anggota Jemaah Menterinya untuk mendapat perkenan dari Yang di-Pertuan Agong. Jemaah Menteri yang diketuai oleh Perdana Menteri mempunyai kuasa eksekutif atau kuasa pentadbiran negara, iaitu mempunyai kuasa menjalankan kuasa-kuasa tertinggi pemerintahan negara.

Setiap menteri yang dilantik itu mempunyai tugas dan tanggungjawab ke atas sesuatu kementerian atau jabatan. Kadangkala ada juga menteri yang dilantik sebagai menteri dengan tugas-tugas khas. Menteri berkenaan selalunya ditempatkan di Jabatan Perdana Menteri.

Pada kebiasaannya, seorang Timbalan Perdana Menteri akan turut dilantik; ini, bagaimanapun, bergantung kepada Perdana Menteri sendiri. Salah satu tugas Timbalan Perdana Menteri ialah membantu Perdana Menteri dan juga memangku jawatan Perdana Menteri semasa beliau berada di luar negeri atau bercuti. Selalunya Timbalan Perdana Menteri menguruskan kerja-kerja pentadbiran harian.

Hilang Kepercayaan

Ketika melantik Perdana Menteri, mestilah pada pendapat Yang di-Pertuan Agong beliau seorang yang mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Rakyat. Perlantikan menteri-menteri lain oleh Yang di-Pertuan Agong dibuat setelah mendapat nasihat dari Perdana Menteri.

Perdana Menteri pula yang juga seorang wakil rakyat, terpaksa meletakkan jawatan jika dia tidak lagi mendapat kepercayaan dari sebilangan besar ahli Dewan Rakyat. Bagaimanapun, ini boleh berlaku apabila ada salah seorang wakil atau ahli Dewan Rakyat mengusulkan undi hilang kepercayaan atau 'Undi Tidak Percaya' dan jika usul tersebut diterima untuk dibahaskan. Pengundian kemudian akan dijalankan. Jika pengundian bersetuju dengan usul tersebut, maka Dewan menerima usul itu. Sebaliknya jika usul



Istiadat mengangkat sumpah jawatan menteri – dilakukan setelah seseorang menteri atau timbalan menteri itu dilantik.

tersebut ditolak, Perdana Menteri akan terus kekal memegang jawatannya.

Sungguhpun Perdana Menteri terpaksa meletakkan jawatannya setelah mendapat undi hilang kepercayaan, dia boleh terus menjadi Perdana Menteri atas permintaan Ketua Negara sehingga seorang Perdana Menteri baru dilantik atau sebuah kerajaan baru ditubuhkan. Sementara menunggu pilihanraya baru, Perdana Menteri yang meletakkan jawatan itu menjadi Perdana Menteri sementara (Care Taker Prime Minister).

Menteri-menteri lain pula boleh memegang jawatan masing-masing selagi diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Walau bagaimanapun, Perdana Menteri dan menteri-menteri lain boleh meletakkan jawatan pada bila-bila masa sahaja.

Semua menteri, sama ada menteri penuh ataupun timbalan menteri, mestilah terlebih dahulu mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong sebelum mereka memulakan tugas sebagai Perdana Menteri ataupun menteri. Mereka juga dikehendaki menandatangani sumpah jawatan dan sumpah taat setia serta sumpah rahsia dalam istiadat yang sama. Istiadat mengangkat sumpah itu didahului oleh Perdana Menteri dan diikuti oleh menteri-menteri yang lain.

Tugas Jemaah Menteri

Sebarang keputusan dan tindakan terhadap sesuatu perkara mengenai pentadbiran, pengurusan, dasar dan keselamatan negara adalah keputusan kerajaan yang dibuat oleh Jemaah Menteri. Keputusan itu semuanya diambil secara bersama oleh Jemaah Menteri yang juga menjadi ahli Parlimen. Mereka adalah wakil rakyat. Tindakan mereka secara tidak langsung adalah keputusan dan tindakan rakyat kerana mereka dipilih oleh rakyat.

Sungguhpun Jemaah Menteri itu boleh mengambil atau membuat keputusan, mereka bertanggungjawab kepada Parlimen. Mereka akan disoal di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara mengapakah mereka mengambil sesuatu keputusan tersebut dan para menteri terpaksa memberikan jawapannya. Apa yang disoal

oleh ahli-ahli Dewan Rakyat itu samalah seperti rakyat menyoal para menteri itu sendiri kerana ahli-ahli Dewan Rakyat adalah wakil dari rakyat. Dalam Dewan Negara pula, ahli-ahlinya mewakili kerajaan negeri dan kumpulan tertentu.

Jemaah Menteri juga dikawal kegiatannya oleh Parlimen. Seseorang anggota Jemaah Menteri boleh dipecat jika dia menjalankan tugas dan tanggungjawab terkeluar dan bertentangan dengan undang-undang. Mereka tidaklah boleh menyalahgunakan kuasa-kuasa tertinggi kerajaan yang diberikan kepadanya.

Mereka mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam mengurus dan mentadbirkan hal-ehwal negara. Mereka merupakan sebahagian dari badan yang mempunyai kuasa tertinggi dalam negara ini, selain daripada Parlimen. Memandangkan beban itu, maka rakyat hendaklah bersama-sama dengan kerajaan menjalankan tugas ini.



Sektor Rukun Tetangga – menjaga keamanan dan ketenteraman awam adalah tanggungjawab setiap warganegara.

Dalam hubungan ini, rakyat hendaklah sentiasa bertanggungjawab terhadap negaranya dan tidak semata-mata mengharapkan kerajaan membantu segala-galanya sehinggakan membuang sampah di kawasan rumah sendiri pun meminta kerajaan melakukannya. Ini bukanlah bererti kerajaan tidak mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Sebaliknya rakyat hendaklah turut serta menjayakan sesuatu yang dirancang dan dilaksanakan, demi kepentingan dan faedah bersama.

Kerajaan tidak dapat bergerak atau bertindak bagi memberikan apa-apa yang dikehendaki oleh rakyat, jika rakyat tidak mahu bekerjasama. Misalnya, kerajaan tidak dapat menjamin keselamatan setiap rakyat jika rakyat sendiri tidak mahu bekerjasama dengan pihak polis atau tentera untuk menghapuskan anasir-anasir jahat seperti perompak dan pengganas. Kerjasama itu termasuklah dengan memberikan maklumat sehingga terhapusnya anasir-anasir tersebut dari kalangan masyarakat.

Jika mereka tidak mahu bekerjasama, samalah mereka membantu anasir-anasir jahat tersebut. Perbuatan serupa ini samalah seperti menganiayai diri sendiri kerana anasir-anasir itu sendiri pada satu masa kelak akan mengancam nyawa orang yang enggan bekerjasama dengan pihak berkuasa. Perbuatan anasir-anasir jahat itu akan bertambah liar jika tidak disekat.

Keselamatan diri kita adalah bergantung kepada kita sendiri. Pihak polis, misalnya, tidak dapat memberikan perlindungan khas kepada setiap orang pada setiap waktu. Adalah sukar dan tidak munasabah kerajaan dapat mengadakan seorang anggota polis atau tentera bagi menjaga dan mengawal setiap rakyat. Apa yang mesti

dibuat oleh setiap orang ialah bekerjasama dengan pihak polis dan tentera serta pihak berkuasa dengan melaporkan sebarang kegiatan jenayah atau mana-mana perbuatan yang menyalahi undang-undang. Rakyat perlulah bekerjasama demi keselamatan diri kita, keluarga dan harta benda kita, seterusnya masyarakat dan negara.

Timbalan Menteri

Perlembagaan negara juga mengadakan peruntukan membolehkan perlantikan beberapa orang timbalan menteri. Mereka ini juga dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan mestilah menjadi ahli Parlimen sama ada ahli Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat.

Seperti juga Jemaah Menteri, timbalan-timbalan menteri boleh meletakkan jawatan atau dipecat dari jawatan mereka. Pemecatan itu dibuat setelah Yang di-Pertuan Agong mendapat nasihat dari Perdana Menteri. Setiap timbalan menteri juga dikehendaki mengangkat sumpah seperti menteri-menteri lain setelah dilantik memegang jawatan. Tugas timbalan menteri ialah menolong menteri menjalankan tugas mereka.

Setiausaha Parlimen

Seseorang setiausaha Parlimen yang dilantik akan membantu menteri dan timbalan menteri dalam sesuatu kementerian atau jabatan yang ditugaskan. Mereka mestilah juga ahli Parlimen. Setiausaha Parlimen dilantik oleh Perdana Menteri dan Perdana Menteri pula boleh memecat mereka dari jawatan masing-masing. Mereka juga boleh meletakkan jawatan. Walau bagaimanapun, setiausaha Parlimen mestilah terlebih dahulu mengangkat sumpah jawatan di hadapan Perdana Menteri. Ini termasuklah menandatangani sumpah jawatan dan sumpah rahsia sebelum memegang jawatan itu.

Saraan Menteri

Gaji atau saraan menteri-menteri dan setiausaha Parlimen adalah ditetapkan oleh Parlimen. Parlimen mengada dan meluluskan undang-undang mengenai saraan mereka.

9 Kerakyatan

Masyarakat Malaysia

SEBAGAI pelajar sekolah, kita menjadi ahli kepada sekolah kita; maka terpaksalah kita patuh dan taat kepada peraturan-peraturan sekolah dan meninggalkan apa-apa yang ditegah atau dilarang. Kita juga dapat menikmati faedah-faedah tertentu dari sekolah seperti pelajaran, meminjam buku dari perpustakaan dan menggunakan makmal sains.

Di rumah pula, kita tinggal dalam sebuah kumpulan, iaitu keluarga kita. Sebagai anggota dalam keluarga, kita menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh ketua keluarga kita, iaitu ibu bapa, seperti pakaian, makan minum dan kasih sayang. Ibu bapa ialah pemimpin kepada keluarga.

Begitulah juga keadaannya dengan negara seperti Malaysia yang mempunyai ramai anggota atau penduduknya; tiap-tiap penduduk pula menjadi ahli kepada negara ini, atau dikenali sebagai masyarakat Malaysia. Sungguhpun masyarakat Malaysia ini terdiri daripada berbagai-bagai keturunan, mereka adalah sebahagian daripada ahli atau penduduk sebuah negara.

Sebagai penduduk atau masyarakat Malaysia, tidak kira asal keturunan, agama atau warna kulit, mereka mempunyai tanggungjawab yang sama terhadap negara ini.

Anggota masyarakat di sesebuah negara itu disebut rakyat atau warganegara. Sebagai warganegara Malaysia, kita pula mendapat banyak faedah dan keistimewaan serta kemudahan yang diberikan oleh negara.



Mencari Penghidupan Baru

Sejarah membuktikan, semasa kuasa penjajah British mula datang ke negeri-negeri Melayu, mereka mendapati bahawa penduduk yang sedia bermastautin di negeri-negeri ini ialah orang Melayu. Kuasa-kuasa penjajah dari barat ini kemudiannya membawa bersama-sama mereka orang-orang asing dari negeri-negeri lain. Orang-orang asing ini dibawa berhijrah ke negeri-negeri Melayu untuk bekerja dengan mereka atau membantu mereka.

Pada mulanya mereka datang sebagai buruh dan bekerja di ladang-ladang getah kepunyaan orang Inggeris. Ada pula yang datang dengan tujuan mencari kekayaan. Mereka juga didatangkan ke negeri-negeri Melayu ini untuk mengusahakan lombong-lombong timah. Lama-kelamaan ramailah yang tinggal di negeri-negeri tersebut. Akhirnya mereka menetap dan bermastautin di negeri-negeri Melayu.

Setelah mendapati bahawa inilah negeri yang baik untuk mereka hidup, mereka memohon limpah kurnia pemerintah pada masa itu iaitu raja-raja Melayu, untuk menjadi penduduk tetap. Mereka berikrar mencurahkan taat setia kepada raja dan negeri ini. Mereka pun dikurniakan oleh sultan untuk menetap di negeri-negeri tersebut. Raja atau sultan yang memerintah mempunyai kuasa mutlak berbuat demikian dan mereka yang dikurniakan untuk tinggal di negeri-negeri ini disebut sebagai rakyat baginda sultan atau raja yang memerintah. Mereka juga disebut sebagai warganegara negeri itu.



Rakyat Malaysia – terdiri daripada berbagai-bagai bangsa, keturunan, agama dan kebudayaan. Kita mestilah saling hormat-menghormati di antara satu sama lain.



Menjadi Warganegara

Undang-undang atau peraturan hendak menjadi warganegara ada tertulis dalam Perlembagaan Malaysia. Undang-undang itu juga memberi hak kepada seseorang yang boleh menjadi warganegara atau mendapatkan kerakyatan negara ini. Cara-cara itu adalah seperti berikut:

1. Cara kuatkuasa undang-undang;
2. Cara pendaftaran isteri dan anak-anak warganegara;
3. Cara pendaftaran bagi orang-orang yang lahir dalam Persekutuan sebelum merdeka;
4. Cara melalui pendaftaran bagi orang-orang yang bermastautin di Negeri-negeri Borneo pada Hari Malaysia;
5. Cara kemasukan; dan
6. Cara pencantuman wilayah.

Sekarang timbul persoalan pada diri kita, adakah semua orang yang dilahirkan di Malaysia secara langsung menjadi warganegara Malaysia atau rakyat negara ini? Tidak semuanya. Ini disebabkan tidak semua ibu bapa kanak-kanak itu mempunyai taraf kerakyatan atau warganegara negara ini. Tetapi ibu bapa yang mempunyai kerakyatan Malaysia dengan kuatkuasa undang-undang, secara automatik anak mereka akan menjadi rakyat Malaysia apabila kanak-kanak itu cukup umur untuk menjadi warganegara.

Bagi anak-anak yang ibu bapa mereka bukan rakyat Malaysia, mereka bukanlah rakyat negara ini apabila cukup umur 21 tahun. Bagaimanapun mereka boleh memohon apabila sampai masanya dan memenuhi syarat-syarat yang ditentukan.

Pada masa ini kita dapati ramai rakyat asing seperti pakar-pakar Jepun, Amerika dan Australia bekerja dan tinggal di Malaysia. Mereka ini bukanlah rakyat atau warganegara Malaysia, sebaliknya mereka ialah rakyat negara tempat mereka datang. Anak-anak mereka juga akan menjadi warganegara atau rakyat negara ibu bapa mereka.

Kita juga mempunyai wakil-wakil diplomat di luar negeri seperti Duta Malaysia ke Jerman, ke Jepun, ke Amerika Syarikat dan sebagainya. Anak-anak mereka yang dilahirkan di luar negeri itu adalah warganegara Malaysia. Bagaimanapun, ini tertakluk kepada syarat bahawa bapanya adalah seorang rakyat negara ini.

Taraf Kerakyataan

Taraf kerakyatan atau kewarganegaraan hanya diberikan kepada orang-orang tertentu sahaja yang tinggal bermastautin dan menetap dalam sesebuah negara. Mereka ini memenuhi syarat-

syarat yang ditetapkan oleh negara itu sendiri.

Tidak semua penduduk dalam sesebuah negara itu berhak untuk mendapatkan taraf kerakyatan. Mungkin ini kerana mereka tidak mencukupi syarat-syarat yang ditentukan oleh perlembagaan, ataupun mereka memang tidak berhajat menjadi rakyat negara ini, ataupun mereka memang tidak boleh diterima menjadi warganegara.

Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka mempunyai undang-undang dan peraturannya sendiri mengenai kerakyatan dan imigresen. Soal kewarganegaraan dan imigresen tidak boleh dipisahkan kerana kedua-duanya mempunyai hubungan yang rapat.

Jabatan Imigresen bertujuan mengawal orang-orang masuk dan keluar dari sebuah negara ke negara ini ataupun sebaliknya, sama ada mereka warganegara atau bukan rakyat. Pegawai-pegawai yang menjalankan tugas dan tanggungjawab mengenai pengawalan orang keluar masuk ke dalam dan ke luar negeri ditetapkan oleh undang-undang yang dibuat di dalam Parlimen.

Apabila seseorang itu disahkan atau diterima menjadi warganegara melalui proses undang-undang yang dikehendaki oleh perlembagaan, ia menjadi sebahagian daripada masyarakat Malaysia dan mestilah menjalankan kewajipannya sebagai warganegara.

Bawah:
Pegawai imigresen berkuasa mengawal kemasukan orang asing.

Paling bawah:
Sekolah – setiap warganegara berhak mendapat faedah pendidikan formal.





Faedah Kerakyatan

Sekarang timbullah pertanyaan, apakah faedah-faedahnya menjadi warganegara atau mempunyai taraf kerakyatan? Seperti yang kita ketahui dalam awal pelajaran ini, seseorang pelajar yang menjadi ahli dalam sesebuah sekolah dan juga sesuatu keluarga, akan mendapat banyak faedah dari sekolah dan keluarganya.

Seorang kanak-kanak perlu didaftarkan sebelum diterima masuk sekolah. Mereka juga dikenakan beberapa syarat tertentu. Begitu juga keadaannya dengan seseorang yang menjadi anggota dalam keluarga: dia mestilah anak kepada keluarga itu, sama ada anak angkat ataupun anak sendiri. Adakala seseorang itu bukan anak sendiri atau anak angkat tetapi dia diterima dalam keluarga itu sebagai adik, ibu dan sebagainya. Mereka akan menikmati faedah dari keluarga itu, sekurang-kurangnya tempat tinggal dan makan minum.

Pekerjaan

Dari segi pekerjaan, keutamaan sudah tentu akan diberikan kepada warganegara Malaysia. Tidak ada satu jawatan pun boleh dipegang selama-lamanya oleh bukan warganegara. Ada juga jawatan-jawatan tertentu, ketika negara ini mencapai kemerdekaan dulu, dipegang oleh warganegara asing. Pada masa itu kita belum mempunyai anak negeri yang layak untuk menjawat jawatan tersebut. Tetapi, pada hari ini, boleh dikatakan semua jawatan dalam perkhidmatan awam atau kerajaan dipegang oleh anak negeri.

Bagaimanapun terdapat beberapa jawatan ikhtisas seperti doktor dan pakar dalam berbagai-bagai bidang masih dipegang oleh mereka yang bukan warganegara Malaysia. Mereka itu bertugas sebagai pegawai kontrak sahaja kerana negara ini kekurangan pakar-pakar seperti itu. Apabila ada anak negeri kita yang layak maka perkhidmatan pegawai-pegawai kontrak itu ditamatkan dan pegawai-pegawai anak negeri akan mengambil alih jawatan itu.

Adalah menjadi amalan biasa, di mana-mana di dunia ini, keutamaan diberikan kepada anak negeri memegang sesuatu jawatan. Ini berlaku khasnya di negara-negara yang merdeka dan berdaulat. Jika tidak ada satu taraf kerakyatan, adalah sukar untuk menentukan siapakah yang berhak untuk memegang jawatan-jawatan itu.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan dan mengakui kebebasan hak asasi manusia, negara bertanggungjawab memberi-

Negara kita masih kekurangan doktor dan pakar dalam bidang-bidang tertentu.



kan keutamaan pekerjaan kepada rakyatnya. Jawatan-jawatan penting, angkatan tentera, pasukan polis dan jawatan-jawatan lain yang mempunyai hubungan dengan keselamatan negara sudah tentu dipegang oleh anak negeri atau warganegara sahaja. Ini kerana merekalah yang akan menentukan keselamatan kita dan negara kita.

Keluar Masuk Malaysia

Setiap hari beribu-ribu orang keluar masuk negara ini melalui pusat-pusat pemeriksaan imigresen di seluruh negara. Pusat-pusat ini diadakan di semua lapangan terbang, pelabuhan dan juga di kawasan-kawasan sempadan Malaysia dengan negara-negara asing, iaitu Negara Thai, Indonesia (yang bersempadan dengan Sabah dan Sarawak) dan Singapura. Pegawai-pegawai dan kakitangan imigresen ini bertugas untuk memastikan setiap orang yang masuk atau datang ke negara ini memiliki pasport atau surat-surat keterangan yang sah.

Warganegara Malaysia berhak masuk ke negara ini, walaupun dia tidak mempunyai pasport. Tetapi selalunya setiap warganegara Malaysia yang keluar negeri dimestikan mempunyai pasport bagi membolehkannya diterima masuk ke negara-negara yang dilawatinya.

Pelawat Asing

Surat-surat perjalanan yang diperlukan oleh pelawat asing termasuk visa, surat kebenaran masuk yang dikeluarkan oleh negara berkenaan yang diakui di kalangan antarabangsa. Katakanlah seorang warganegara Malaysia yang melanjutkan pelajarannya ke Amerika Syarikat atau ke Eropah, apabila dia pulang dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, pihak Jabatan Imigresen akan memeriksa pasportnya dan kemudiannya membenarkannya pulang ke rumah. Dia juga berhak menetap terus di Malaysia. Keistimewaan ini hanya diberikan kepada warganegara Malaysia sahaja.

Tetapi, bagi seseorang yang bukan rakyat Malaysia, apabila tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, dia akan diperiksa pasport, visa atau surat-surat perjalanan ataupun surat kebenaran masuk ke Malaysia. Apabila pegawai imigresen membenarkan dia masuk ke Malaysia, dia hanya berhak tinggal di negara ini sepanjang yang dibenarkan sahaja. Jika dia tidak meninggalkan negara ini selepas tamat tempoh kebenaran tinggal di Malaysia, pihak Jabatan Imigresen akan mencari pelawat tersebut.



Memang menjadi syarat bagi setiap pelawat asing membuat permohonan untuk melanjutkan tempoh tinggal di negara ini jika dia ingin tinggal lebih lama dari tempoh yang dibenarkan pada ketika dia tiba. Terpulanglah kepada pihak Jabatan Imigresen menimbangkan permohonannya. Proses dan peraturan yang sama juga dikenakan kepada kita, rakyat negara ini, apabila melawat negara asing.

Lapangan terbang – pintu masuk bagi pelawat-pelawat asing ke negara ini.

Visa, pasport antarabangsa dan pasport terhad adalah antara dokumen yang diperlukan jika kita ingin melawat sesebuah negara asing.



Faedah Pemegang Pasport Malaysia

Mereka yang mempunyai pasport Malaysia mendapat layanan-layanan yang sepatutnya dari negara-negara yang mereka lawati, kerana pasport itu diakui bukan sahaja di Malaysia bahkan di peringkat antarabangsa. Bagi mereka yang memegang pasport Malaysia, mereka boleh masuk ke negara-negara yang menjadi anggota Pertubuhan Komanwel dengan tidak memerlukan visa atau permit dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh negara itu. Walau bagaimanapun Britain yang merupakan salah sebuah negara anggota Komanwel memerlukan surat kebenaran atau permit yang dikeluarkan oleh kerajaannya melalui wakil-wakilnya di seberang laut.

Warganegara dari negara-negara Komanwel juga adalah bebas masuk ke Malaysia tanpa memerlukan visa atau permit, selagi pelawat-pelawat itu memiliki pasport negaranya dan tidak disenaraikan sebagai orang-orang yang berniat jahat terhadap negara ini. Mereka yang dibenarkan masuk ke negara ini dibenarkan tinggal di Malaysia sehingga tempoh lama yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen.

Selain dari negara-negara Komanwel, pemegang pasport Malaysia juga boleh melawat beberapa negara Eropah Barat dengan tidak memerlukan visa. Negara-negara itu termasuklah Republik Jerman (Jerman Barat), Itali, Perancis, Denmark, Switzerland dan semua negara anggota Asean, iaitu Singapura, Filipina, Indonesia, Negara Thai dan Brunei Darussalam.

Mereka dibenarkan tinggal di negara-negara berkenaan dalam tempoh yang dibenarkan. Bagaimanapun semua kebenaran ini tertakluk kepada persetujuan kedua-dua pihak yang berkuasa, iaitu kerajaan masing-masing. Kesemua negara yang membenarkan pemegang pasport Malaysia masuk ke negara masing-masing tanpa visa adalah hasil hubungan yang baik antara negara kita ini dengan negara-negara tersebut melalui beberapa perjanjian.

Sungguhpun pemegang-pemegang pasport Malaysia boleh masuk ke negara-negara tersebut tanpa visa, mereka dibenarkan dengan syarat tidak mempunyai sebarang niat jahat terhadap negara itu, misalnya mengancam keselamatan negaranya.

Berhak Tinggal di Malaysia

Warganegara Malaysia berhak tinggal di mana-mana sahaja yang mereka suka di dalam negaranya. Mereka juga boleh menjalankan perniagaan, perdagangan, perusahaan di mana-mana sahaja mereka suka di negaranya.

Mereka mempunyai kebebasan bergerak ke mana-mana sahaja dalam negaranya. Misalnya, seorang petani yang tinggal di Perlis merasai bahawa bertani di negerinya tidak lagi memuaskan jika dibandingkan dengan mereka yang menyertai Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) di Pahang. Petani itu boleh membuat permohonan menyertai rancangan itu. Hanya mereka yang mempunyai taraf kerakyatan sahaja yang dapat menikmati faedah-faedah seperti itu.

Rancangan pembangunan tanah bagi memperbaiki taraf hidup rakyat – hanya warganegara sahaja yang berhak menikmatinya.



Buang Negeri

Kerakyatan juga menahan dan melarang seseorang warganegara daripada dibuang negeri, dengan erti kata seseorang itu tidak dibenarkan tinggal di dalam negaranya. Perlembagaan negara menetapkan tindakan seperti ini tidak boleh diambil ke atas seseorang yang mempunyai kerakyatan secara kuatkuasa undang-undang.

Jika dia dibuang negeri, dia tidak ada tempat lagi untuk tinggal kecuali secara sukarela dia menyerahkan kerakyatannya semula kepada kerajaan dan keluar dari Malaysia untuk menetap di sebuah negara lain. Penyerahan kerakyatan hendaklah dibuat kepada kerajaan Malaysia kerana kerakyatan adalah hak kerajaan, iaitu hak negara.

Jawatan Politik

Seseorang warganegara mempunyai hak menyertai sebarang parti politik dan berhak bertanding menjadi ahli mana-mana badan perundangan sama ada ahli Parlimen atau ahli Dewan Undangan Negeri, jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Ia juga berhak memegang apa juga jawatan politik seperti menteri, timbalan menteri dan seterusnya berhak mengundi dalam sebarang pilihanraya. Seseorang warganegara berhak sama-sama mengurus, mentadbir serta mengetahui cara mana negaranya ditadbir atau diuruskan.

Dalam masa darurat, kerajaan, melalui undang-undang, berkuasa mengadakan kerahan tenaga rakyat. Langkah ini bertujuan memanggil rakyat untuk berkhidmat dalam perkhidmatan-perkhidmatan tertentu bagi mempertahankan negara. Hanya rakyat Malaysia sahaja yang boleh dipanggil untuk menyertai kerahan tenaga rakyat ini.

Dari segi lain pula seseorang warganegara itu berhak mendapatkan faedah, layanan dan perlindungan yang sama dari pemerintah dan keadilan undang-undang. Tidak ada seorang pun warganegara boleh dibeza-bezakan. Ia juga berhak mendapat rawatan perubatan, bantuan, pelajaran dan berbagai-bagai kemudahan yang lain.


Perlindungan di Luar Negeri

Apabila seseorang warganegara Malaysia berada di luar negeri, sama ada kerana melawat, menuntut atau bertugas, dia berhak mendapat perlindungan sepenuhnya dari wakil-wakil kerajaan Malaysia di tempat-tempat dia berada. Dia boleh juga mendapat-



Pemeriksaan kastam di lapangan terbang – memastikan tidak ada barang-barang yang menyalahi undang-undang dibawa masuk ke negara ini.

Kedutaan Malaysia di Itali – menjaga kebajikan dan melindungi rakyat Malaysia di negara itu.



Dengan ihsan dari Kementerian Luar Negeri

kan perlindungan dari wakil-wakil kerajaan asing yang dilantik oleh kerajaan Malaysia dari masa ke semasa. Jika berlaku sebarang rusuhan atau peperangan yang mengancam keselamatan rakyat Malaysia, mereka boleh mendapatkan perlindungan dari wakil-wakil tersebut.

Kerajaan Malaysia akan bertindak menjaga kepentingan rakyat di negara-negara yang terlibat itu. Kepentingan tersebut termasuklah nyawa rakyat dan harta benda kerajaan yang ada di negara-negara berkenaan.

Pasport Antarabangsa Malaysia yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia, melalui Jabatan Imigresen menyatakan "Bahawasanya atas nama Yang di-Pertuan Agong Malaysia diminta sekalian yang berkenaan supaya membenarkan pembawa pasport ini lalu dengan bebas dengan tiada halangan dan memberikan kepadanya apa-apa juga pertolongan dan perlindungan yang perlu."

Ini menunjukkan bahawa setiap warganegara Malaysia mendapat kemudahan dan perlindungan semasa berada di luar negeri. Selain dari itu seseorang warganegara juga mendapat layanan yang diperlukan dari pihak berkuasa kerajaan semasa berada di negara-negara yang dilawatinya. Ini semuanya adalah hasil dari persetujuan di peringkat antarabangsa di antara Malaysia dengan negara-negara lain di dunia.

Seperti yang dikatakan tadi, setiap warganegara itu mendapat perlindungan dari kerajaan Malaysia melalui wakil-wakilnya semasa berada di luar negeri. Ini bermakna jika seseorang rakyat Malaysia dianiayai oleh sesebuah negara, maka kerajaan kita boleh membuat bantahan dan tuntutan ganti rugi ke atas negara yang melakukan perbuatan itu.

Tetapi, sebelum membuat bantahan atau tuntutan, terlebih dahulu kerajaan kita akan menyiasat perkara tersebut bagi memastikan sama ada perkara itu benar-benar berlaku ke atas rakyat Malaysia. Jika perkara itu tidak benar, kerajaan Malaysia tidak

berhak untuk bertindak. Sekarang jelaslah kepada kita mengapa undang-undang atau peraturan kewarganegaraan diadakan bagi tiap-tiap negara.

Tangkapan

Pihak Jabatan Imigresen juga ada mempunyai kuasa-kuasa yang diberikan oleh undang-undang bagi menahan seseorang rakyat asing daripada masuk ke negara ini tanpa surat kebenaran. Larangan ini dibuat atas sebab-sebab keselamatan dan kepentingan negara. Umpamanya, seorang musuh yang bertujuan untuk merosakkan negara ini, ataupun seorang pelawat asing yang mengidap penyakit berjangkit yang sangat berbahaya seperti penyakit taun, maka sudah tentu dia dilarang masuk, sebaliknya dihantar pulang ataupun dihantar ke tempat perasingan untuk rawatan dan sebagainya.

Seseorang warganegara Malaysia pula mungkin pulang dari negara asing dan kepulangannya itu semata-mata bertujuan hendak menjalankan kegiatan-kegiatan subversif atau untuk melancarkan gerakan yang mengancam keselamatan rakyat dan negara. Maka kerajaan akan bertindak menahannya. Pendek kata, bolehlah kita katakan bahawa undang-undang kerakyatan itu memberikan nilai-an yang tinggi kepada kita semua sebagai warganegara dan sepatutnyalah kita semua berasa bangga mendapat perlindungan seperti yang dihuraikan secara ringkas di atas. Kita akan dapat mengetahui lebih banyak mengenai faedah yang akan diperolehi sebagai warganegara dalam bahagian lain yang akan dibincangkan dengan lebih mendalam.

10 Kewajipan Warganegara

Patuh kepada Undang-undang

KEWARGANEGARAAN atau kerakyatan seseorang itu membawa makna yang besar kepada kehidupannya sehari-hari. Setiap rakyat yang diberikan taraf kerakyatan ini mempunyai tugas-tugas dan tanggungjawab yang mesti dipikul dan dilaksanakan. Ini adalah sebagai menunjukkan taat setia mereka kepada negara.

Tugas utama setiap warganegara ialah mematuhi perlembagaan negara. Perlembagaan ialah hak asasi undang-undang Malaysia. Jika kita berjaya mempertahankan kedaulatan dan keluhuran perlembagaan negara, bererti kita berjaya mempertahankan hak kita sendiri.

Perlembagaan juga akan membolehkan undang-undang lain digubal. Undang-undang ini pula akan mengawal dan menjamin hak tiap-tiap rakyat. Menghormati serta mematuhi undang-undang merupakan tugas penting bagi setiap rakyat.

Undang-undang negara ialah hasil dari kemahuan rakyat seperti yang kita teliti dalam pelajaran lalu. Andai kata kita melanggarnya, hukuman yang setimpal akan kita terima. Pegawai-





pegawai atau kakitangan yang bertugas menjalan dan menguatkuasakan undang-undang itu dilantik oleh kerajaan yang kita amanahkan. Mereka ini menjalan dan menguatkuasakan undang-undang untuk menjaga kepentingan orang ramai dan negara. Yang bersalah mungkin dihukum penjara dan sebagainya, bergantung kepada kesalahan seseorang itu; hukuman yang dikenakan pula ditetapkan oleh undang-undang.

Menghormati undang-undang bererti tidak merosak atau mengganggu hak-hak awam atau hak-hak orang lain. Jika kita menghormati orang lain, orang lain juga akan menghormati kita. Tiada siapa pun akan menghormati kita jika kita tidak menghormati orang lain.

Setiap warganegara mempunyai kewajipan yang harus ditunaikan untuk kesejahteraan dan pembangunan negara. Para anggota Pasukan Pandu Puteri misalnya, berkewajipan memberikan khidmat mereka pada bila-bila masa sahaja diperlukan.

Pilihanraya

Sungguhpun mengundi dalam pilihanraya di negara ini tidak menjadi satu kewajipan kepada rakyat yang berusia 21 tahun ke atas, tetapi perkara ini adalah sebahagian dari hak dan tugas mereka. Dalam sebarang pilihanraya, kita akan menentukan masa





Setiap warganegara yang bertanggungjawab akan menggunakan hak mengundi mereka dalam pilihanraya.

depan dan cara-cara pemerintahan negara kita. Adalah menjadi tugas warganegara memilih wakil-wakil mereka dengan menggunakan kebijaksanaan masing-masing dalam pilihanraya.

Kita perlu berbuat demikian, kerana kita adalah sebahagian dari kerajaan, iaitu kita bersama-sama berkongsi menentukan cara pemerintahan negara kita. Wakil-wakil yang kita pilih dalam pilihanraya akan mewakili kita di Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.

Kita sebagai rakyat negara ini juga sepatutnya bersama-sama mengetahui bagaimana kerajaan kita disusun, diuruskan dan juga bagaimana proses undang-undang dijalankan. Adalah menjadi satu tanggungjawab setiap rakyat mengetahui calon-calon yang kita pilih untuk mewakili kita.

Sedia Berkhidmat

Kejayaan Malaysia banyak bergantung kepada kesanggupan cerdik pandainya untuk berkhidmat memimpin rakyat ke arah kemakmuran dan keamanan. Warganegara yang jujur dan dedikasi sangat-sangat diperlukan oleh negara. Mereka tidak mengutamakan kepentingan diri sendiri, sebaliknya mengutamakan kepentingan negara dan rakyat.

Sifat-sifat seperti ini sukar untuk didapati dari setiap rakyat. Sungguhpun demikian rakyat mestilah mempunyai sifat-sifat serupa itu, dan perlulah sifat sedemikian ditanamkan kepada setiap pelajar dari bangku sekolah lagi.

Mereka yang pandai haruslah mengajar yang kurang pandai dan yang berada membantu yang kurang berada. Semangat ini hendaklah disematkan di sanubari setiap rakyat Malaysia. Rakyat yang berkebolehan hendaklah berkhidmat kepada negara melalui beberapa cara.

Pusat Pengajian Tinggi – cendikiawan dan pemimpin lahir dari sini. Mereka diharap dapat berbakti.



Melalui Politik

Rakyat boleh mengambil bahagian dalam politik seperti bertanding dalam pilihanraya. Jika menang dalam sesuatu pilihanraya, mereka boleh berkhidmat untuk kepentingan negara. Sama ada mereka dilantik menjadi seorang menteri atau tidak, mereka tetap menjadi wakil rakyat dan khidmat mereka hendaklah memberi faedah kepada rakyat.

Perkhidmatan Awam

Sebagai warganegara, kita boleh berkhidmat dalam perkhidmatan awam atau menjadi kakitangan kerajaan. Seseorang yang berkhidmat dengan kerajaan mestilah mempunyai kelayakan tertentu. Ini membolehkan pegawai atau kakitangan kerajaan itu menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya dengan sempurna. Berkhidmat dengan kerajaan bererti juga berkhidmat untuk kepentingan rakyat. Setiap sen yang dibelanjakan oleh kerajaan untuk gaji, elaun dan lain-lain lagi kepada pegawai dan kakitangan kerajaan itu adalah wang rakyat. Wang ini pula dipungut oleh kerajaan melalui berbagai-bagai bentuk cukai, bayaran dan cara-cara lain.

Pegawai-pegawai kerajaan serta orang-orang profesional seperti jurutera dan ahli sains memberikan perkhidmatan khusus untuk rakyat, termasuk kita semua. Mereka ini tidak ada perbezaannya kerana mereka semua bersama-sama menyumbangkan perkhidmatan untuk faedah negara dan rakyat.

Petani

Para petani juga berkhidmat untuk kepentingan negara dan rakyat. Kakitangan kerajaan mendapat gaji setiap bulan, begitu juga keadaannya dengan kaum tani. Mereka mendapat hasil dari setiap yang diusahakannya, iaitu hasil pertanian. Mereka semua mendapat upah dari pekerjaan mereka, tidak kira petani ataupun pegawai kerajaan. Yang berbeza, kaum tani bekerja di sawah atau di ladang sedangkan pegawai kerajaan bertugas di pejabat. Tetapi peranan kedua-dua golongan pekerja ini sama pentingnya.

Di negara-negara yang bergantung kepada pertanian seperti New Zealand, Australia dan Denmark para petani menjadi golongan utama dalam pembangunan ekonomi. Di Denmark, misalnya, hasil pertanian dan ternakan menjadi sumber untuk kehidupan rakyatnya. Umpamanya, pada tahun 1972, hasil ternakan adalah eksport terbesar bagi negara tersebut. Sumbangan ini telah meningkatkan taraf hidup rakyat di negara itu.



Kegiatan pertanian memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan negara.





Bagi Malaysia, ekonomi negara bergantung juga kepada pertanian. Getah, minyak kelapa sawit dan bijih timah adalah di antara eksport utama negara. Jika tidak ada petani yang mahu mengeluarkan bahan-bahan mentah ini sudah tentu negara kita tidak akan mendapat wang yang banyak untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti sekolah dan hospital sebagaimana yang kita nikmati sekarang.

Sektor pertanian dan petrolium – sumber ekonomi negara yang utama. Kegiatan ekonomi yang dijalankan ini menjadi asas kepada perkembangan sektor industri dan menyediakan peluang pekerjaan.

Pertubuhan Sukarela

Ramai rakyat Malaysia yang benar-benar bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan atau sumbangan mereka kepada masyarakat dan negara. Mereka berasa bahawa hidup mereka tidak sempurna jika tidak menyumbangkan sesuatu untuk masyarakat dan negara. Mereka menghabiskan masa lapang dengan melibatkan diri dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela. Pertubuhan-pertubuhan ini termasuklah Pergerakan Pengakap, Persatuan Bu-



lan Sabit Merah, Persatuan Kanak-kanak Cacat dan Persatuan Orang Buta.

Mereka yang berada pula boleh menyumbangkan derma kepada badan-badan sukarela yang menjalankan berbagai-bagai kegiatan untuk membantu masyarakat dan negara. Mereka mendermakan wang atau harta benda dalam projek-perojek kemasyarakatan seperti membina masjid, badan-badan awam, yayasan pelajaran, perpustakaan, dan rumah anak-anak yatim.

Di sekolah, kita juga boleh memberikan perkhidmatan kepada masyarakat melalui pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti Persatuan Bulan Sabit Merah, Persatuan Pertolongan Cemas dan Persatuan Pengakap.

Mempertahankan Negara

Sungguhpun negara kita mempunyai angkatan tentera dan pasukan polis yang cukup, ini bukanlah bererti kita tidak mempunyai tanggungjawab mempertahankan negara jika diserang oleh musuh. Kita mestilah bersedia untuk dipanggil berkhidmat dalam apa juga perkhidmatan apabila negara memerlukannya. Kita mestilah bersedia berkorban untuk negara jika negara diancam oleh musuh.

Dalam masa darurat selama 12 tahun - 1948 hingga 1960 - ramai orang tampil untuk mempertahankan tanahair. Mereka sanggup menggadaikan nyawa bagi menjamin keamanan tanahair. Sekarang tanggungjawab mereka itu menjadi warisan kita semua. Sebagai warganegara yang benar-benar taat setia kepada negara ini, adalah menjadi kewajipan kita mempertahankan negara apabila diperlukan.



Pasukan Rela – ditubuhkan dengan tujuan membantu mempertahankan keselamatan negara.

Taat Setia

Kita semua tentu berasa terhutang budi kepada negara yang telah memberikan berbagai-bagai kemudahan untuk keselesaan hidup kita. Untuk membalas budi, maka setiap rakyat mestilah mencurahkan taat setia yang penuh dan tidak berbelah bahagi tidak kira di mana kita berada. Walaupun kita berada di luar negeri, kita mestilah mencurahkan taat setia sepenuhnya kepada negara.

Penduduk Malaysia berbeza-beza, terdiri daripada berbilang keturunan, agama dan kebudayaan. Yang sama, kita semua adalah bangsa Malaysia, dan harus menumpahkan taat setia kepada raja dan negara ini.

Jika kita berada di luar negeri, kita mestilah sentiasa berusaha membaiki lagi hubungan negara kita dengan negara tempat kita berada. Kita mestilah sentiasa jujur, sedia bersahabat dan menunjukkan kemesraan. Janganlah sekali-kali menunjukkan sifat-sifat yang biadab. Sifat yang terpuji akan mengharumkan nama baik Malaysia di mata dunia. Prinsip mematuhi Rukunegara hendaklah kita bawa bersama ke mana-mana sahaja kita pergi dan berada.

Setiap rakyat Malaysia yang berada di luar negeri mestilah menjalankan segala usaha membuktikan bahawa negara kita ialah sebuah negara yang cintakan perdamaian dan sedia bersahabat dengan sesiapa sahaja. Mereka mestilah sentiasa bekerja keras bagi menunjukkan kepada rakyat di negara-negara lain itu bahawa cara kehidupan yang diamalkan oleh Malaysia adalah yang terbaik.



Pelajar-pelajar kita di luar negeri – tugas mereka belajar, memperkenalkan dan menjaga nama baik negara.

Dalam Negeri

Kalau kita berada di dalam negeri pula, kita mestilah menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab sebagai warganegara, walaupun kita terpaksa berkorban harta dan nyawa. Kita haruslah mempertahankan cara hidup dan cara pemerintahan kita - iaitu mempertahankan kebebasan, keadilan dan persamaan peluang hidup untuk semua rakyat tanpa mengira asal keturunan, warna kulit dan agama.

Untuk menjamin supaya prinsip-prinsip ini dapat diamalkan, kita mestilah bersama-sama menjalankan tanggungjawab masing-masing. Selagi kita menyempurnakan tanggungjawab seperti mematuhi undang-undang, mengambil bahagian dalam pilihanraya, mengundi di dalam pilihanraya, sedia berkhidmat untuk negara, bekerjasama dengan semua pihak untuk keamanan, sudah pasti kita dapat menjamin hak-hak kita sendiri. Kita juga mestilah bekerjasama dengan kerajaan untuk menghapuskan anasir-anasir jahat yang cuba merosakkan susunan dan cara kehidupan yang kita pilih dan kita bina selama ini.

11 Mahkamah dan Pengadilan

Rumah Pengadilan

MAHKAMAH-MAHKAMAH di seluruh negara merupakan "Rumah Pengadilan". Di mahkamah, seseorang yang melanggar undang-undang seperti mencuri, merompak, mengedar dadah, membunuh dan menculik dibicarakan. Di mahkamah juga rakyat menuntut keadilan, kerana di situ sahaja seseorang itu dibicara dan diadili di sisi undang-undang.

Dalam sesuatu perbicaraan di mahkamah, saksi-saksi dari pihak yang tertuduh (yang kena dakwa) dan pihak yang menuduh diminta memberikan keterangan-keterangan. Yang didakwa berhak mempertahankan diri.

Adalah menjadi amalan kita di Malaysia ini, tiap-tiap orang yang kena tuduh, apabila dibawa ke hadapan pengadilan undang-undang, berhak memilih peguam atau peguam-peguamnya sendiri bagi mempertahankan diri. Tegasnya, bolehlah dikatakan bahawa mahkamah ialah tempat menyelesaikan tuduh-menuduh dan tuntut-menuntut mengikut undang-undang.

Sesungguhnya mahkamah mempunyai kuasa undang-undang menghukum atau membebaskan seseorang itu daripada tuduhan, tetapi mahkamah tidaklah boleh menjatuhkan sesuatu hukuman itu sewenang-wenangnya. Kuasa-kuasa mahkamah dihadkan oleh undang-undang. Di sini jelaslah bahawa undang-undang mengatasi segala-galanya. Ini juga menunjukkan bahawa undang-undang ialah satu peraturan yang adil lagi saksama.

Rukunegara

Di mana-mana sahaja di dunia ini, baik di negara-negara komunis ataupun bukan komunis, undang-undang adalah satu peraturan yang mesti dipatuhi dan dihormati oleh setiap rakyat.

Mahkamah – di sini mereka yang melanggar undang-undang diadili dan dikenakan hukuman. Mereka yang teraniaya pula dibela.



Bagi Malaysia pula mematuhi undang-undang adalah salah satu prinsip dalam Rukunegara.

Undang-undang negara merupakan rukun hidup setiap warganegara. Rakyat yang mematuhi undang-undang adalah warganegara yang hidup sempurna dalam negaranya. Jika semua orang mematuhi undang-undang sudah tentu kehidupan kita semua sentiasa aman. Bagaimanapun, ini tidak mungkin berlaku seperti kata pepatah "lain udang lain garamnya lain orang lain ragamnya atau kelakuannya."

Di Sekolah

Di sekolah juga ada undang-undang dan peraturan. Undang-undang ini dapat menentukan supaya perjalanan dan pentadbiran sekolah berjalan dengan baik, teratur dan tersusun. Keadaan ini membolehkan pelajar-pelajar berasa senang hati menuntut dalam suasana yang tenteram.

Sebaliknya, suasana kelam-kabut atau huru-hara akibat ketiadaan undang-undang dan peraturan sudah tentu menjadikan pelajar-pelajar sentiasa berada dalam ketakutan, cemas dan keadaan-keadaan lain yang tidak menyenangkan. Bila-bila masa sahaja kejadian yang mengganggu keselamatan serta pelajaran boleh berlaku.

Setiap negara mempunyai undang-undang. Pegawai-pegawai yang berkelulusan undang-undang serta mempunyai pengalaman ditugaskan menjalankan keadilan, dan keadilan dijalankan di mahkamah. Pemerintah membina mahkamah di seluruh negara. Dengan adanya mahkamah, dapatlah kerajaan memberi perlindungan terhadap keselamatan nyawa, harta benda dan kepentingan setiap rakyat. Tidak seorang pun akan terlepas dari tindakan undang-undang jika dia melakukan kesalahan.

Jenis Mahkamah

Keadilan undang-undang dijalankan di beberapa jenis mahkamah yang terdapat di Malaysia. Melalui mahkamah-mahkamah inilah dapat ditentukan siapa yang bersalah dan siapa pula yang tidak bersalah. Mahkamah akan mengadili segala perkara yang dikemukakan kepadanya sebagaimana yang ditentukan oleh undang-undang.

Tidak seorang pun boleh menghina mahkamah. Ini kerana mahkamah adalah 'Rumah Pengadilan' dari segi undang-undang. Perlembagaan negara menguntukkan satu bahagian mengenai penghinaan mahkamah. Menurut perlembagaan Malaysia: "Mah-

kamah Agung atau Mahkamah Tinggi adalah berkuasa menghukum sesiapa yang melakukan apa-apa penghinaan terhadapnya." Penghinaan itu termasuklah mengingkari perintah mahkamah.

Boleh kita kumpulkan mahkamah di negara ini seperti berikut:

1. Mahkamah Agung;
2. Mahkamah Tinggi;
3. Mahkamah Tengah (Mahkamah Sesyen);
4. Mahkamah Rendah.

Mahkamah Rendah mempunyai banyak lagi pecahan seperti Mahkamah Majistret dan Mahkamah Kanak-kanak. Tetapi memadailah kita mengetahuinya secara ringkas dan secara kasar sahaja.

Selain itu, terdapat pula Mahkamah Syariah yang berkuasa dalam urusan undang-undang dan pentadbiran Islam. Bidang kuasa mahkamah ini ditentukan oleh negeri masing-masing. Ini kerana soal-soal yang berhubung dengan agama Islam adalah terletak dalam bidang kuasa kerajaan negeri.

Perbicaraan

Setiap hari, melalui akhbar-akhbar, kita membaca cerita-cerita mengenai perbicaraan di mahkamah. Berita seperti ini disiarkan atau diterbitkan dalam akhbar-akhbar dengan tujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai bahawa yang melanggar undang-undang tetap akan dihukum. Tidak seorang pun akan terlepas dari tindakan undang-undang jika dia membuat kesalahan. Mereka yang cuba melepaskan diri dari pengadilan akan dicari oleh pihak berkuasa dan seterusnya dihadapkan ke mahkamah.

Pembunuh, misalnya, mungkin menerima hukuman gantung sampai mati dan perompak pula sudah tentu menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahannya. Mahkamah-mahkamah menjatuhkan hukuman dan keputusannya berdasarkan kepada undang-undang yang memberikan kuasa kepadanya.

Sungguhpun begitu, seseorang yang tidak berpuas hati dengan keputusan sesebuah mahkamah boleh membuat rayuan kepada mahkamah yang lebih tinggi. Jika dia dihukum oleh Mahkamah Rendah, dia boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi. Jika dia dihukum oleh Mahkamah Tinggi dia pula boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Agung.

Tidak seorang pun boleh dianggap sebagai pembunuh atau pencuri dan sebagainya selagi dia tidak dihadapkan ke pengadilan dan dibuktikan bahawa dia bersalah. Jika tuduhan ke atasnya tidak

sabit, maka dia adalah bebas daripada tuduhan.

Perbicaraan dalam sesebuah Mahkamah Rendah, dalam kes-kes jenayah, selalunya dimulakan dengan orang yang dituduh duduk dalam kandang orang salah berhadapan dengan Pengadil atau Majistret atau Yang Dipertua Mahkamah. Di sinilah orang yang dituduh itu dibicarakan.

Dalam perbicaraan itu kedua-dua belah pihak, iaitu pihak yang dituduh dan pihak yang menuduh hadir dalam mahkamah. Saksi-saksi dari kedua-dua pihak dipanggil untuk memberikan keterangan, dan segala keterangan mestilah benar. Tidak ada yang tidak benar melainkan semuanya benar. Sebelum memberikan keterangan, saksi itu akan dikehendaki bersumpah bahawa segala yang akan diberikan itu semuanya benar dan tidak ada yang tidak benar.

Segala keterangan dalam mahkamah didengari dan ditimbang-kan sehalus-halusnya oleh Majistret yang mendengar dan mem-bicarakan kes itu. Orang ramai juga dibenarkan menyaksi dan mendengar perbicaraan itu. Kadangkala perbicaraan terpaksa ditutup kepada orang ramai, ketika mahkamah mendengarkan keterangan-keterangan yang difikirkan oleh majistret tidak patut didengar oleh orang ramai.

Pendakwa akan menjalankan dakwaannya terhadap orang yang dituduh. Dalam perbicaraan kes jenayah seperti mencuri, selalunya pendakwa ialah seorang pegawai polis; peguambela pula akan membela orang yang dituduh.

Tuduhan dibacakan kepada yang dituduh dengan didengari oleh pegawai-pegawai yang bersangkut paut dalam perbicaraan tersebut. Dia akan ditanya sama ada mengaku salah atau tidak tuduhan yang dibacakan kepadanya. Jika orang yang dituduh mengaku salah, maka mahkamah akan dapat memberikan keputus-an hukuman yang cepat. Tetapi jika yang dituduh itu tidak mengaku bersalah, perbicaraan akan dijalankan dan ini akan mengambil masa. Keputusan hukuman hanya diketahui selepas perbicaraan berakhir.

Para guru eloklah membawa pelajar-pelajar mereka melawat mahkamah bagi melihat dan mendengar sendiri perbicaraan di-jalankan. Ini akan memberi peluang kepada pelajar-pelajar itu untuk mengetahui bagaimana keadilan undang-undang dijalankan di mahkamah di negara mereka sendiri.

Dengan ini bolehlah kita tegaskan bahawa tampuk keadilan negara kita ini adalah terletak kepada mahkamah.

12 Rakyat dan Perlindungan

Perlindungan Hak Asasi

DALAM bahagian-bahagian yang lalu kita melihat secara ringkas mengenai kebebasan dan perlindungan yang diberikan kepada rakyat. Dalam bahagian ini kita akan melihat lebih lanjut mengenai perkara tersebut.

Seseorang rakyat yang tinggal dalam negaranya mempunyai 'hak' tertentu yang ditetapkan oleh perlembagaan atau undang-undang. Misalnya, semua pelajar di sekolah mempunyai hak mendapatkan pelajaran dari sekolah itu tanpa mengira asal keturunan, warna kulit dan perbezaan agama. Dengan kata-kata lain, seseorang pelajar itu haruslah mendapat hak yang sama menuntut ilmu pengetahuan yang diberikan.

Begitu juga, setiap rakyat di dalam negara ini berhak mendapat apa yang ditetapkan oleh perlembagaan dan undang-undang; dia juga mempunyai tanggungjawab yang sama terhadap negaranya. Perlembagaan negara menyatakan bahawa semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang. Tidaklah boleh ada perbezaan terhadap mana-mana jua warganegara semata-mata disebabkan agama, kaum, keturunan atau tempat lahir.

Bahagian kedua perlembagaan juga menetapkan dan menyatakan secara panjang lebar mengenai kebebasan asasi. Hak asasi ini memberikan kita kebebasan untuk mempelajari apa sahaja yang kita sukai dan cenderung. Dengan kata-kata lain, perlembagaan dan undang-undang melindungi dan menjamin hak asasi manusia.

Perlindungan Diri

Tiap-tiap warganegara berhak mendapat perlindungan daripada diugut atau dicederakan oleh orang lain yang melanggar undang-undang. Bagi menjamin hak ini, setiap orang boleh mempertahankan diri sendiri apabila diserang atau dicederakan. Ini termasuk juga mempertahankan keluarganya, rumahtangganya ataupun harta bendanya. Dalam hal ini perlembagaan, melalui undang-undang memberikan hakmilik harta kita sendiri.

Katakanlah seorang petani sedang membajak sawahnya yang diperolehi melalui kuatkuasa undang-undang. Dia membelinya dengan sah dan membayar cukai seperti yang dikehendaki oleh undang-undang. Pendek kata petani itu mematuhi peraturan sebelum dan selepas membelinya. Tetapi dia telah diancam oleh kumpulan yang tidak bertanggungjawab dengan mengetepikan undang-undang meminta petani tersebut jangan mengusahakan sawahnya. Sewajarnyalah petani tersebut berhak melindungi sawahnya!

Sebagai seorang petani yang patuh kepada undang-undang, dia tidak akan mengambil tindakan dengan menyerang balas kumpulan yang mengancamnya sesuka hati itu. Petani itu berhak mengadu atau membuat laporan kepada pihak polis mengenai ugutan atau ancaman itu, dan meminta perlindungan. Dia berhak meminta perlindungan polis bagi dirinya, harta bendanya dan keluarganya. Polis pula akan bertindak terhadap orang-orang yang mengancam atau mengugut itu.



Balai Polis – orang ramai boleh membuat aduan dan mendapatkan perlindungan.

Pihak polis tidak boleh menolak atau melarang seseorang rakyat meminta perlindungan daripada dianiayai. Rakyat boleh membuat aduan kepada polis semua perkara yang munasabah seperti yang diberi kuasa oleh undang-undang kepada polis. Ini termasuklah kegiatan jenayah.

Ketika Malaysia menghadapi kekacauan dan darurat pada tahun 1969, seluruh anggota tentera, polis dan pasukan sukarela dikerah siang dan malam untuk menjamin keselamatan rakyat dan menjaga supaya harta benda mereka terselamat. Beribu-ribu orang anggota tentera, polis dan sebagainya dikerah menjaga dan melindungi nyawa orang ramai serta harta benda setiap masa dengan tidak mengira penat lelah. Di samping mempertahankan keselamatan negara, mereka juga melindungi orang ramai yang taat setia kepada negara dan yang tidak berdosa. Mereka juga bersedia bertugas di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja.

Perlindungan Kebebasan

Tidak seorang pun rakyat boleh ditahan untuk dijadikan sebagai hamba abdi. Ini menunjukkan bahawa perlembagaan negara juga melarang seseorang itu daripada menjadi buruh paksa. Tetapi orang-orang salah yang menjalani hukuman kerja berat tidak dikira sebagai buruh paksa. Dalam hal ini, kita telah pun membaca mengenai kebebasan dalam bahagian awal buku ini.

Kebebasan Bersuara

Kita berhak menyatakan pendapat; dengan kata lain, kita mempunyai kebebasan bersuara. Kita juga berhak mendapat perlindungan diri dari undang-undang daripada hukuman-hukuman tanpa sebab. Kita juga berhak bergerak secara bebas di dalam negara ini dan seterusnya kita juga berhak mempertahankan harta benda kita daripada dirampas. Tidak ada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya, kecuali menurut undang-undang seperti yang diterangkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Fasal Pertama, mengenai kebebasan asasi.

Hak ini dijamin sepenuhnya oleh Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Negara. Di sini jelaslah kepada kita sebab-sebab pentingnya perlembagaan dan undang-undang itu dipatuhi, dihormati serta dipertahankan.

Kerajaan yang kita beri kuasa dengan sepenuhnya itu juga tidak boleh mengambil tindakan sesuka hati ke atas rakyat jika tidak dibenarkan dan tidak menurut perlembagaan dan undang-undang. Tegasnya, perlembagaan dan undang-undang memberikan perlindungan sepenuhnya kepada kita, untuk rakyat, dan adalah menjadi tanggungjawab serta kewajipan kita semua mematuhi dan menghormati kedua-duanya.

Kebebasan bersuara bererti bahawa rakyat boleh menyuarakan pandangan atau pendapat dan fikiran mereka. Mereka bebas bercakap asalkan tidak berlebihan dan mengenai perkara-perkara yang dibenarkan sahaja. Perkara yang mungkin menimbulkan perasaan buruk sangka tidak harus disentuh. Tidak seseorang pun boleh menyuarakan atau membahaskan perkara-perkara yang bertujuan menghasut.

Kebebasan bersuara adalah mustahak dalam sebuah negara yang mengamalkan pemerintahan demokrasi berparlimen seperti Malaysia ini. Ini kerana kita memerlukan pendapat dan fikiran rakyat secara bebas dalam membangunkan negara, baik dari segi ekonomi, sosial, politik, jasmani dan juga rohani.

Kebebasan serupa itu akan membolehkan rakyat mengambil

bahagian lebih cergas mengenai soal-soal negaranya. Rakyat dalam sebuah negara yang mengamalkan pemerintahan demokrasi sepatutnya bekerjasama dengan semua pihak dalam usaha meningkatkan kemajuan dan pembangunan.

Kritik-kritik dan cadangan-cadangan yang membina dan berfaedah perlu dikemukakan oleh rakyat yang benar-benar merasa diri mereka bertanggungjawab kepada negaranya. Kita sepatutnya berasa bangga kerana kita adalah di antara beberapa buah sahaja negara di Asia yang mempunyai kebebasan seperti yang kita nikmati sekarang ini.

Kebebasan Akhbar

Kebebasan akhbar ini berhubung rapat dengan kebebasan bersuara dan kebebasan pendapat. Kebebasan akhbar bermakna bahawa akhbar-akhbar bebas menerbit atau menyiarkan sebarang perkara atau berita. Tetapi perlu diingatkan sungguhpun kita memiliki kebebasan ini, kita sebagai manusia juga terikat dengan undang-undang. Kebebasan berakhbar bukanlah bererti kita boleh menyiar atau menerbitkan apa sahaja bahan sesuka hati. Misalnya, kita tidak boleh mencerca orang atau menimbulkan isu-isu yang sensitif.



Kebebasan akhbar diamalkan – berita yang hendak disiarkan mestilah tidak melampaui batas-batas tertentu.

Rakyat bebas mengamalkan kebudayaan masing-masing. Setiap bangsa harus menghormati kebudayaan bangsa yang lain.




Penerbitan atau penyiaran secara bebas ini adalah sangat penting bagi orang ramai kerana rakyat berhak mengetahui apa yang berlaku di dalam negara mereka. Risalah, buku, akhbar dan penerbitan-penerbitan lain boleh memainkan peranan untuk memberitahu orang ramai tentang semua yang berlaku di dalam negara dan luar dari lingkungan negara. Ini termasuklah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan mengenai semua perkara seperti tindakan menyelesaikan masalah pengangguran, masalah perpaduan negara, usaha membangunkan negara, usaha kerajaan membanteras kegiatan dadah dan sebagainya.

Rakyat di satu pihak pula dapat menggunakan segala maklumat dan keterangan supaya tindakan mereka selaras dengan kehendak negaranya. Mereka juga dapat menyuarakan dan menyatakan pendapat dan fikiran yang membina melalui akhbar.

Oleh yang demikian, kebebasan akhbar ini adalah sangat mustahak bagi sesebuah negara yang mengamalkan pemerintahan demokrasi seperti Malaysia ini. Keadaan negara kita ini berlainan dan unik sedikit; ini menjadikan Malaysia dikenali seluruh dunia.

Tidak seperti negara-negara lain di dunia, Malaysia menghadapi beberapa masalah yang besar, dan masalah ini dapat kita selesaikan secara aman melalui persetujuan semua rakyat yang terdiri dari berbagai-bagai kaum, berlainan kebudayaan dan menganut berbagai-bagai agama. Oleh yang demikian, kebebasan yang ada di Malaysia berlainan daripada kebebasan yang terdapat





di United Kingdom, Amerika Syarikat dan beberapa negara lain. Ini adalah kerana faktor perbezaan kaum, agama dan kebudayaan.

Kebebasan di negara-negara lain itu tidak boleh kita ikuti seratus peratus di negara ini. Di sana tidak ada masalah yang kita hadapi, tidak timbul soal perbezaan kebudayaan, agama, begitu juga keturunan. Tetapi kita sekarang sedang membentuk sebuah negara dan bangsa Malaysia yang bersatu padu. Kita sebagai rakyat Malaysia yang menumpahkan sepenuh taat setia kepada negara mestilah mempunyai perasaan tanggungjawab supaya kita berjaya membentuk satu bangsa yang benar-benar bercorak Malaysia dan taat setia kita hanyalah kepada satu negara, iaitu Malaysia.

Kebebasan Berhimpun

Kebebasan berhimpun bererti orang ramai boleh mengadakan pertemuan sesama sendiri di satu-satu tempat dengan tujuan mendengar syarahan atau ceramah. Mereka juga boleh berhimpun atau berkumpul kerana mengadakan perbincangan mengenai pelbagai masalah dan mencari jalan menyelesaikan masalah itu. Mengadakan atau menganjurkan sesuatu perhimpunan ataupun menghadiri perhimpunan juga merupakan suatu kebebasan kepada rakyat. Bagaimanapun, segala perhimpunan yang diadakan mestilah dalam lingkungan undang-undang dan peraturan, dan diadakan dalam keadaan aman, tidak melanggar mana-mana undang-undang.

Perayaan Maulud Nabi dahulu disambut dengan perhimpunan dan perarakan. Perhimpunan yang berupa perayaan atau sambutan memang dibenarkan. Bagaimanapun, perhimpunan yang bertujuan mengadakan tunjuk perasaan dan menimbulkan kacau-bilau tidak dibenarkan. Perhimpunan yang bertujuan menimbulkan huru-hara seperti itu sudah tentu mengancam keselamatan orang perseorangan, orang ramai, malahan negara. Sudah tentu perhimpunan tersebut tidak dibenarkan.

Segala perhimpunan yang melibatkan orang ramai mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran. Kebenaran ini diperlukan kerana perhimpunan tersebut melibatkan banyak perkara. Pihak polis, misalnya, sebelum memberi satu-satu kebenaran akan memastikan bahawa perhimpunan itu tidak mengganggu ketenteraman dan keselamatan orang ramai, kerana pihak polis menjaga keselamatan dan ketenteraman kita semua. Lagi pula, sesuatu perhimpunan atau perarakan yang diadakan sekurang-kurangnya melibatkan kakitangan lalulintas. Dengan adanya kebenaran itu, maka bolehlah pihak berkuasa mengambil langkah atau membuat



persediaan supaya keamanan dan ketenteraman dapat terjamin dan lalulintas orang ramai tidak terganggu.

Setengah-setengah pihak mengadakan perhimpunan yang hanya bertujuan jahat, mengganggu orang ramai seperti menggunakan kekerasan, memusnahkan harta benda orang ramai atau mengancam keselamatan. Ini disebut perhimpunan haram. Perhimpunan seperti ini tidak mendapat kebenaran dari pihak berkuasa kerana salah di sisi undang-undang. Pihak berkuasa akan bertindak dengan apa cara pun bagi menghalang perhimpunan haram.

Sungguhpun pihak berkuasa bertindak keras terhadap mereka yang mengadakan perhimpunan haram, tindakan dijalankan berdasarkan kepada peraturan dan undang-undang yang memberikan kuasa kepada mereka untuk bertindak sedemikian. Mereka yang ditangkap atau ditahan oleh pihak berkuasa kerana menyertai atau menganjurkan perhimpunan serupa itu juga dilayan mengikut undang-undang. Tegasnya, mereka yang membuat kacau juga mendapat keadilan undang-undang.

Kebebasan Beragama

Malaysia merupakan sebuah negara yang bukan sahaja mempunyai penduduk berbilang kaum dan menganuti berbagai-bagai kebudayaan, rakyatnya juga diberi kebebasan beragama. Dengan keadaan yang berlainan dari segi keturunan, kebudayaan dan agama, kita masih dapat mengekalkan perpaduan dan dapat hidup dan tinggal dalam suasana aman dan damai. Malahan, kita hidup dalam suasana muhibah, tolong-menolong di antara satu sama lain.



Perhimpunan – dibenarkan setelah mendapat kebenaran polis dan mestilah tidak mengganggu ketenteraman awam.

Kita sebagai rakyat Malaysia akan terus mengekalkan keadaan sedemikian, malahan akan berusaha mengeratkan persefahaman dan muhibah di kalangan rakyat. Kedamaian dan ketenteraman hidup rakyat Malaysia yang berbilang kaum sudah terkenal di merata dunia. Malahan, banyak negara lain mengambil Malaysia sebagai negara contoh.

Dari apa yang kita teliti dan lihat, maka jelaslah bahawa Malaysia bukan sahaja bebas memilih kerajaan, mempunyai kebebasan bersuara dan kebebasan akhbar, malahan rakyatnya juga dapat mengamalkan agama yang mereka anuti dengan bebas.


Percaya kepada sesuatu agama ialah satu perkara yang baik. Agama ialah soal peribadi, iaitu soal antara diri seseorang penganut sesuatu agama itu dengan Tuhannya. Tetapi kita percaya sepenuhnya bahawa tidak ada satu agama pun di dunia ini mengajar supaya penganut-penganutnya melakukan kejahatan. Tidak ada satu agama pun menyuruh penganut-penganutnya membunuh, merompak, merosakkan harta benda orang lain, malahan tidak ada agama yang menyuruh penganutnya mengeji atau menghina seseorang. Sebaliknya, semua agama menyuruh manusia berbuat baik. Manusia disuruh berbaik-baik antara satu sama lain, membantu yang memerlukan bantuan. Yang sakit perlu diberi rawatan dan yang kebuluran perlu diberikan makanan, yang kurang berpelajaran pula perlu diajar.

Itulah di antara perkara yang digalakkan oleh agama. Dengan demikian, manusia akan membuat kerja-kerja yang baik untuk dirinya, masyarakat, dan bangsa serta negaranya.

Percaya kepada agama bererti percaya adanya Tuhan seperti yang disebutkan dalam Rukunegara. Agama menyuruh penganutnya membuat kebajikan kepada manusia dan meninggalkan apa yang ditegahnya. Agama juga menyuruh manusia berbaik-baik sangka dan tolong-menolong seperti juga yang dianjurkan oleh peraturan hidup dalam sebuah masyarakat seperti Malaysia ini.

Walaupun agama rasmi di negara ini ialah Islam, ini tidak bererti bahawa penganut agama-agama lain tidak dibenarkan bergerak dan menjalankan kegiatan masing-masing. Agama-agama lain juga bebas untuk berkembang.

Dalam melaksanakan konsep kebebasan beragama ini, kerajaan ada memberikan pelbagai bantuan kewangan dan sebagainya kepada pertubuhan-pertubuhan agama di negara ini. Kerajaan tidak menegah penganutnya melaksanakan kegiatan agama, baik dari segi amalan mahupun mempelajari agama masing-masing. Penganut-penganut agama diberikan kebebasan menubuhkan dan menyelenggara yayasan untuk pelajaran anak-anak mereka. Mereka juga boleh mengadakan tabung pelajaran, kerja-kerja sosial dan







kebajikan masing-masing.

Oleh kerana Islam sebagai agama rasmi negara, maka wajarlah kerajaan memelihara kedudukannya sebagai agama rasmi dengan mengadakan undang-undang. Perlembagaan negara ada menyebutkan: Undang-undang negeri boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa kepercayaan agama yang tidak sihat antara penganut-penganutnya. Tegasnya, sungguhpun kita mempunyai kebebasan beragama sepenuhnya, namun segala perbuatan yang berlawanan dengan undang-undang mengenai ketenteraman awam, kesihatan atau akhlak adalah tidak dibenarkan.

Selepas kita membaca mengenai hak dan kebebasan yang diberikan oleh Perlembagaan Negara, maka jelaslah perlembagaan merupakan satu rukun yang menjamin hak rakyat. Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan kita semua mempertahan, menghormati dan menjunjungnya.

Sesungguhpun kebebasan ini diberikan oleh perlembagaan, ia boleh ditarik balik apabila keadaan negara memaksa berbuat demikian. Keadaan yang dimaksudkan di sini ialah jika berlaku darurat, misalnya.



Setiap rakyat bebas menganuti dan mengamalkan ajaran agama mereka – satu lagi bukti kebebasan di negara ini.

Hak Berpolitik

Tiap-tiap warganegara Malaysia yang cukup umur mempunyai hak berpolitik. Hak ini membolehkan seseorang rakyat itu berkongsi dalam mentadbir dan menguruskan negaranya. Antara hak berpolitik bagi rakyat yang sudah mencukupi umur 21 tahun ialah:

(a) Hak mengundi;
(b) Hak bertanding dalam pilihanraya;
(c) Hak menubuh dan menjadi ahli mana-mana parti politik yang didaftar dan diluluskan pendaftarannya.

Sungguhpun demikian, beberapa syarat tertentu ditetapkan bagi seorang yang ingin bertanding dalam pilihanraya. Melalui hak-hak inilah maka pemerintah atau kerajaan ditubuhkan.

Hak Mengundi

Setiap warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas mempunyai hak memilih wakil-wakilnya ke Dewan Rakyat dan juga ke Dewan Undangan Negeri tempat dia mendaftar sebagai pengundi. Pemilihan ini dijalankan melalui pilihanraya yang diadakan, misalnya setiap lima tahun, atau pada masa-masa yang ditentukan.

Pilihanraya kebangsaan akan menentukan siapakah yang berjaya membentuk kerajaan, iaitu yang berkuasa memerintah negara. Parti-parti politik yang berjaya dalam pilihanraya akan membentuk kerajaan dan melantik Perdana Menteri serta anggota kabinet atau Jemaah Menteri. Hak serupa ini tidak terdapat di negara-negara yang mengamalkan pemerintahan diktator.

Di negara-negara yang mengamalkan pemerintahan diktator, rakyatnya tidak diberikan kebebasan untuk memilih wakil-wakil yang mereka sukai melalui pilihanraya. Rakyat juga tidak diberi kesempatan memberikan pendapat mengenai negaranya.

Di negara-negara yang mengamalkan pemerintahan demokrasi, lebih-lebih lagi demokrasi berparlimen, calon dari berbagai-bagai parti politik bertanding antara satu sama lain dalam satu-satu kawasan pilihanraya. Di negara-negara berpemerintahan diktator pula, hanya sebuah sahaja parti politik dibenarkan bertanding. Itu pun jika ada. Ini bererti tidak ada perlawanan untuk merebut kerusi; secara langsung rakyat terpaksa memilih calon dari parti yang tunggal. Semua wakil yang bertanding dari anggota pemerintah.

Keadaan di Malaysia berlainan; rakyat boleh memilih calon yang mereka sukai dari mana-mana parti politik yang bertanding. Dengan ini rakyat memilih wakil mereka yang difikirkan berkelayakan dan berkebolehan untuk mengurus dan mentadbir negara dengan baik demi faedah rakyat dan negara.

Rakyat Malaysia yang sudah mencukupi syarat untuk mendaftar sebagai pengundi atau pemilih dengan Suruhanjaya Pilihanraya, masih ramai yang tidak turut serta mengundi dalam pilihanraya. Ini amatlah merugikan. Adalah menjadi tanggungjawab kita menggunakan undi itu dengan bijak. Ini kerana pemerintahan negara ini adalah di tangan rakyat sendiri. Rakyatlah yang berhak menentukan nasib negara dan diri mereka.

Hak Bertanding

Warganegara Malaysia juga berhak memegang jawatan politik. Jawatan-jawatan itu termasuklah menteri, timbalan menteri, ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Undangan Negeri dan banyak lagi jawatan. Seseorang yang berkebolehan dan berkelayakan tentu mempunyai peluang memimpin negaranya dan mengambil sesuatu keputusan untuk faedah negara dan rakyat.

Sebuah kerajaan yang bersih, cekap dan amanah serta tegas mungkin tidak dapat dicapai jika negara tidak mempunyai pemimpin yang benar-benar cekap, berkebolehan dan berkelayakan serta

jujur. Undang-undang yang sempurna tidak akan bermakna jika tidak dikuatkuasakan oleh pemimpin-pemimpin yang tegas ketika mentadbirkan negara.

Untuk berkhidmat dengan negara dan rakyat secara berpolitik, seseorang yang mempunyai kelayakan akan bertanding dalam satu-satu pilihanraya menentang calon lain; rakyatlah yang akan menentukan siapa yang akan menjadi wakil mereka.

Hak Menubuhkan Parti Politik

Warganegara juga berhak menubuh, mengurus atau menjadi ahli mana-mana parti politik yang disukainya. Sebuah parti politik terdiri daripada satu kumpulan warganegara, dan mereka ini bersatu menguruskan parti untuk tujuan sama-sama mengambil bahagian dalam urusan negara secara undang-undang. Sama ada kumpulan ini menjadi kerajaan atau mengawal kerajaan adalah ditentukan oleh rakyat melalui pilihanraya. Ini dapat dilakukan melalui proses yang ditetapkan. Kumpulan inilah yang menentukan siapakah pemimpin mereka, siapakah yang menguruskan kumpulan, dan ditetapkan juga perlembagaan atau undang-undangnya sendiri.

Untuk menjadi ahli sesebuah parti politik mudah sahaja. Seseorang itu bolehlah mendaftarkan nama dengan mana-mana parti politik yang dipilih melalui borang permohonan. Beberapa syarat akan dikenakan. Setelah permohonannya dipertimbangkan oleh pihak berkuasa parti politik itu serta memenuhi syarat yang ditetapkan, maka dia akan diterima menjadi ahli. Seseorang ahli parti juga boleh keluar dari parti politik jika dia mahu berbuat demikian.

Sebagai seorang ahli kepada parti politik, dia mestilah mematuhi undang-undang atau peraturan parti itu, seperti membayar yuran, mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, menjaga tatatertib parti dan sebagainya. Seseorang ahli parti yang cergas akan mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan parti, seperti memegang jawatan penting dalam parti.

Ada beberapa sebab mengapa orang memasuki sesebuah parti politik. Pertama: kerana hendak berkhidmat kepada rakyat dan negara serta menyumbangkan tenaga demi kebaikan bersama. Kedua: kerana semata-mata mendapatkan kuasa. Ketiga: kerana ingin menguasai kerajaan dan menguruskan negara mengikut cara yang difikirkan paling baik.

13 Kerajaan Melindungi Rakyat Am

DALAM bahagian-bahagian yang lalu kita mempelajari sedikit sebanyak mengenai berbagai-bagai perkhidmatan yang disediakan dan diberikan oleh kerajaan untuk faedah rakyat. Ini termasuklah mengenai perlindungan undang-undang, memberi keadilan dan juga mempertahankan negara dari diserang oleh anasir-anasir jahat. Kita akan dapat mengetahui lebih banyak lagi mengenai perkara yang sama dalam bahagian ini.

Perkhidmatan yang memberikan faedah kepada rakyat dan negara terlalu banyak. Setiap hari kita menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan, baik secara langsung mahupun tidak langsung.

Kita memang tidak sedar bahawa setiap kali kita menggunakan jalan raya, telefon, elektrik, pejabat pos dan banyak lagi, kita sebenarnya sedang menggunakan sebahagian daripada perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan.

Kita membeli makanan yang bersih, daging yang tidak mengandungi kuman, menggunakan pengangkutan awam yang selesa, tidak menerima gangguan terhadap keselamatan di kawasan atau bandar tempat kita tinggal. Ini juga menjadi sebahagian dari perlindungan yang disedia dan diberikan oleh kerajaan. Ini semua dilakukan kerana adanya pegawai-pegawai yang ditugaskan bagi memastikan peraturan-peraturan atau undang-undang dipatuhi oleh pihak-pihak berkenaan.



Misalnya, bagi daging yang bebas dari penyakit dan makanan dan minuman yang bersih, ada pegawai yang memeriksa dan menentukannya. Ada pula undang-undang atau peraturan bagi menjaga kebersihan daging, makanan dan minuman itu. Pegawai-pegawai haiwan, misalnya, akan memastikan bahawa setiap lembu, kambing atau kerbau yang belum disembelih adalah sihat dan tidak membawa kuman atau penyakit yang boleh memudaratkan manusia yang memakan dagingnya. Begitu juga halnya dengan jenis-jenis makanan lain termasuk susu dan beras.

Dalam bahagian ini, kita akan menerangkan beberapa perkhidmatan biasa yang sering kita lihat. Kebanyakan perkhidmatan ini memberi kemudahan dan keselamatan kepada diri kita, keluarga, harta benda serta orang awam.



Lebuh raya Timur Barat dan Jambatan Pulau Pinang – dua daripada beberapa projek besar yang disediakan bagi faedah rakyat.

Perkhidmatan Bomba

Kebakaran merupakan salah satu kemalangan yang bukan sahaja merosakkan harta benda, malahan mengancam nyawa dan boleh menyebabkan mangsa kebakaran itu kehilangan tempat tinggal, iaitu rumahtangga. Bagaimanapun, kemalangan ini dapat dielakkan jika kita semua sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan mematuhi peraturan atau undang-undang dan nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa, iaitu pegawai-pegawai bomba.

Misalnya, pada hari-hari perayaan kerap berlaku kebakaran yang berpunca dari kanak-kanak bermain mercun atau bunga api. Ini kerana mereka tidak mengikut nasihat dari pegawai-pegawai



Perkhidmatan Bomba – sentiasa bersedia untuk memberikan khidmat mereka.

bomba atau pihak polis yang tidak membenarkan orang ramai bermain mercun. Akibatnya, kebakaran berlaku dan memusnahkan rumahtangga dan adakalanya menyebabkan kematian. Sungguh sedih jika kejadian itu menimpa diri dan keluarga kita!

Di Malaysia, boleh dikatakan ramai juga orang terkorban akibat kebakaran. Mereka yang cedera dan menderita akibat kebakaran juga ramai. Jumlah harta benda yang musnah pun banyak. Fikirkanlah, bagaimana jika kemalangan seperti ini juga berlaku kepada diri dan keluarga kita?

Kerajaan, melalui Perkhidmatan Bomba, mengambil perhatian yang berat terhadap kejadian serupa itu. Seberapa daya yang boleh, kerajaan cuba menyekat kebakaran berlaku dengan mengadakan berbagai-bagai kemudahan dan undang-undang yang boleh menghalang berlakunya kebakaran di tempat-tempat kediaman dan bangunan-bangunan tinggi serta harta benda rakyat.


Perkhidmatan Bomba yang disediakan oleh kerajaan di seluruh negara bertujuan membantu mengelak serta melawan kebakaran dengan memadamkan api daripada memusnahkan bangunan yang dijilat api serta bangunan-bangunan lain yang berhampiran. Tetapi kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab hendaklah berusaha sedaya upaya supaya kejadian itu tidak berlaku. Kemu-

dahan ini semata-mata bertujuan melindungi rakyat dan seberapa boleh mencegah supaya sebarang kebakaran tidak mengorbankan nyawa dan memusnahkan harta benda rakyat.


Perkhidmatan Bomba juga memberikan pendidikan kepada rakyat, syarikat-syarikat perusahaan dan tuan punya bangunan tinggi serta orang ramai mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bagi mencegah kebakaran. Pendidikan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh pihak bomba bertujuan memimpin orang ramai menjaga diri sendiri dan harta benda mereka daripada musnah dijilat api. Kerajaan bukan sahaja sayangkan nyawa orang ramai, tetapi juga sayangkan harta benda mereka kerana semua itu adalah sebahagian daripada harta negara yang perlu dilindungi dan dijagai.

Pasukan Polis

Undang-undang dan peraturan awam terpaksa dijalankan supaya keadaan pentadbiran dan pengurusan negara berjalan dengan licin dan teratur. Dengan adanya kelicinan dan kecekapan pentadbiran undang-undang awam ini, maka kita sentiasa berasa terselamat dan terlindung. Undang-undang melindungi setiap rakyat seperti yang diterangkan dalam bahagian-bahagian yang lebih awal. Jika kita diancam oleh penjahat dengan menggunakan kekerasan, kita mestilah dengan segera memberitahu atau melaporkannya kepada pihak berkuasa, iaitu polis. Pasukan Polis Diraja Malaysia adalah satu-satunya pasukan yang ditubuhkan untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab terhadap keselamatan.







Polis Diraja Malaysia – mengandungi beberapa unit dan bahagian. Motonya Sedia Berkhidmat.

Kekuasaan polis yang menjalankan tugas-tugas menjaga ketenteraman dan keselamatan awam adalah terkandung dalam Akta Polis 1967. Pasukan Polis Diraja Malaysia di bawah perintah Ketua Polis Negara bertanggungjawab memelihara undang-undang serta mengekalkan keamanan dan keselamatan.

Pasukan polis juga bertanggungjawab terhadap kegiatan pencegahan dan perisikan jenayah, menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah atau mereka yang melanggar undang-undang. Polis juga mempunyai kuasa yang diberikan oleh undang-undang bagi mengumpulkan risikan keselamatan di dalam negara dan kawasan perairan negara.

Di samping itu, jika berlaku peperangan atau kekacauan seperti darurat, polis juga dikehendaki memikul beban bersama dengan angkatan tentera bagi mempertahankan negara. Sebagai contoh, pasukan polis bertugas bersama-sama dengan pasukan tentera memburu dan menghapuskan pengganas di kawasan sempadan dan juga di kawasan-kawasan yang diketahui pengganas sedang bergerak. Bagaimanapun, mereka itu terdiri dari anggota Polis Hutan, iaitu sebahagian daripada beberapa unit dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia. Unit-unit lain termasuklah Bahagian Perisik, Bahagian Pencegah Jenayah, Bahagian Lalulintas, Polis Laut (Polis Marin), Pasukan Simpanan Persekutuan (lebih dikenali dengan Pasukan Pencegah Rusuhan), Pasukan Anti Narkotik, Bahagian Perhubungan Awam dan Polis Kadet (yang ditubuhkan di sekolah-sekolah).


Anggota polis menjalankan tugas mengikut undang-undang. Memang sudah menjadi amalan bagi pasukan polis kita bahawa tindakan hanya akan diambil terhadap sesuatu perkara atau kes setelah mendapat bukti yang cukup ataupun maklumat dan butir-butir lengkap. Misalnya, pihak polis hanya akan menangkap atau menahan seseorang yang disyaki itu setelah mereka mendapat maklumat atau bukti yang menunjukkan bahawa yang disyaki itu benar-benar terlibat dalam sesuatu kegiatan jenayah. Polis mem-

punyai kuasa menahan atau menyoal yang disyaki itu bagi tujuan mendapatkan maklumat lanjut dalam usaha mencari bukti yang lebih terang tentang sesuatu kes itu.

Dalam hal ini, pihak polis mestilah mempunyai bahagian perisik jenayah yang akan membantu anggota polis menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna. Sebagai sebuah pasukan pengaman, pihak polis bertanggungjawab memastikan orang ramai mendapat perlindungan yang secukupnya.

Di jalan raya yang sibuk, orang ramai juga mendapat perlindungan. Kita boleh menyaksikan bagaimana pasukan polis trafik menjalankan tugas-tugasnya di jalan raya. Mereka mengarahkan kenderaan mengikut jalan atau lorong yang ditetapkan dalam keadaan kesesakan kenderaan supaya orang ramai, terutamanya pemandu-pemandu, berasa lebih selesa dan selamat.

Sekarang bolehlah diambil kesimpulan bahawa orang ramai sentiasa mendapat perlindungan dari kerajaan sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui pelbagai cara dan saluran. Perlindungan serupa ini adalah sangat penting kerana kerajaan bertanggungjawab kepada keselamatan negara dan rakyat. Dengan ini jelaslah rakyat sepatutnya memberikan kerjasama sepenuhnya kepada anggota polis pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.



Penjara – bukan sekadar tempat tahanan. Banduan-banduan juga diberikan latihan-latihan tertentu yang berguna kepada mereka.

Penjara

Penjara adalah tempat pesalah-pesalah menjalani hukuman yang dikenakan oleh mahkamah. Di sinilah mereka ditempatkan sehingga tempoh waktu yang ditetapkan. Hukuman itu banyak jenis. Ada hukuman penjara dengan kerja ringan, ada pula hukuman penjara dengan kerja berat dan ada pula hukuman penjara dengan disebat. Satu lagi hukuman yang amat ngeri ialah hukuman gantung sampai mati.

Semua hukuman itu ditetapkan oleh mahkamah dan pihak berkuasa menjalankan hukuman itu berdasarkan kepada arahan-arahan dan perintah yang diberikan. Pihak penjara juga tertakluk kepada undang-undang dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya.

Penjaralah tempat yang sesuai bagi mengajar dan memulihkan mereka yang melakukan kesalahan supaya mereka dapat kembali ke pangkuan masyarakat apabila keluar atau tamat menjalankan hukuman. Fikirkanlah, seseorang yang didapati bersalah oleh mahkamah akan dihantar ke penjara dan terpaksalah merengkok dalam penjara sehingga tamat hukuman! Adakah kita suka hal ini berlaku kepada diri kita? Adakah kita mahu berpisah dengan keluarga, saudara-mara, ibu bapa dan kawan-kawan kita?

Jika ini berlaku, kita tidak bebas seperti keadaan kita sekarang. Kita juga tidak dapat menikmati apa yang kita nikmati sekarang. Jika kita tidak mahu ditimpa nasib seperti ini, ikutilah dan patuhilah undang-undang.

Walaupun penjara merupakan tempat seseorang banduan menjalani hukuman, penjara juga mempunyai rancangan-rancangan tertentu bagi memimpin dan mendidik banduan supaya berguna kepada masyarakat apabila keluar kelak. Pihak berkuasa juga mempunyai kewajipan dan tanggungjawab bagi memulihkan banduan. Kerja-kerja pemulihan ini termasuklah menyediakan latihan-latihan yang sesuai untuk banduan-banduan itu. Ini termasuklah latihan pertukangan kayu, membuat rumah, berternak dan bertani. Di samping itu, pihak penjara juga menyediakan rawatan perubatan dan kesihatan yang sewajarnya kepada banduan-banduan yang sakit.

Dalam bidang sosial pula, pihak penjara tidak ketinggalan menyediakan kemudahan-kemudahan bagi banduan, termasuklah kemudahan sukan, kelas-kelas pendidikan, drama dan tayangan filem. Langkah-langkah latihan dan persediaan sosial bertujuan untuk meningkatkan penilaian terhadap memulihkan banduan-banduan itu supaya mereka dapat hidup dalam masyarakat apabila

keluar kelak. Dengan itu diharapkan mereka tidak akan mengulangi perbuatan salah mereka nanti. Ini juga akan membantu mereka berdiri di atas kaki sendiri dan dapat memberikan sumbangan yang berguna kepada masyarakat dan negara.

Maka kita sebagai anggota masyarakat dan rakyat yang bertanggungjawab seharusnya membantu mereka supaya mereka dapat hidup bersama-sama dalam masyarakat dan negara dan menyumbangkan tenaga demi kebaikan dan kesejahteraan semua.

Pertahanan

Mempertahankan negara ialah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia, ialah Yang di-Pertuan Agong. Ini ditetapkan dalam Perlembagaan Malaysia yang menyatakan bahawa Ketua Utama Negara ialah juga Panglima Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia.

Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat mestilah mempunyai satu angkatan tenteranya sendiri bagi mempertahankan maruah, kemerdekaan dan kedaulatan negara. Angkatan Tentera Malaysia mempunyai tiga bahagian, iaitu Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara.

Asas Angkatan Tentera Malaysia moden ialah Askar Melayu Diraja. Pasukan Askar Melayu merupakan pasukan yang pertama ditubuhkan di negara ini, iaitu pada 1 Mac 1933. Inilah pertama kalinya dalam sejarah tentera moden, anak watan diberikan tanggungjawab bersama menjaga dan mempertahankan negara.

Dari satu kumpulan percubaan seramai 25 orang, kini Askar Melayu merupakan Batalion Tentera Darat yang terbesar dalam Angkatan Tentera Malaysia. Tentera Darat dengan dibantu oleh unit-unit lain seperti Pasukan Meriam, Pasukan Semboyan, Pasukan Jurutera, dan Pasukan Lojistik menjalankan tugas masing-masing mempertahankan negara serta memberi perkhidmatan kepada orang ramai.

Setiap saat dan ketika, angkatan tentera kita berada dalam keadaan bersiap sedia dan berjaga-jaga. Semua gerakan tentera di Semenanjung, Sabah dan Sarawak di bawah perintah Ketua Turus Tentera Darat, seorang Jeneral.

Tentera Laut Diraja Malaysia pula merupakan sebagai benteng untuk mempertahankan perairan Malaysia. Semua kegiatan tentera laut adalah di bawah Ketua Turus Tentera Laut. Angkatan laut kita bertanggungjawab mencegah dan melindungi rakyat dan negara dari serangan musuh dari laut. Ia juga bertanggungjawab memburu dan menghapuskan musuh negara yang menyusup masuk



Angkatan tentera kebanggaan kita – bertanggungjawab mempertahankan maruah dan kedaulatan negara dari ancaman musuh.

ke perairan negara melalui laut.

Di samping itu pasukan ini juga mengawal kawasan perairan Malaysia, sungai dan pantai. Tentera Laut juga bertugas melindungi para nelayan daripada lanun-lanun di laut. Dalam masa peperangan, Tentera Laut Diraja Malaysia menjaga keselamatan kapal-kapal dagang yang menggunakan kawasan perairan kita. Ia juga melindungi kepentingan-kepentingan negara seperti menjaga alat kabel perhubungan di dalam laut.

Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia pula melindungi kawasan udara dari dicerobohi oleh musuh. Tentera Udara juga membantu Tentera Darat dan Tentera Laut dalam gerakan-gerakan menghancurkan musuh di darat dan di laut. Dengan adanya kapal-kapal terbang pengangkut, Tentera Udara dapat menghantar anggota tentera ke kawasan yang memerlukan tambahan tentera dengan segera dalam satu-satu pertempuran.

Ketiga-tiga unit angkatan tentera ini diketuai oleh Panglima Angkatan Tentera, iaitu Ketua Turus Angkatan Tentera Malaysia yang berpangkat Jeneral penuh. Semua urusan pentadbiran pertahanan negara dikendalikan oleh Kementerian Pertahanan.

Selain daripada kegiatan-kegiatan ketenteraan, angkatan tentera juga banyak melibatkan diri dalam kerja-kerja awam. Dalam masa banjir, misalnya, ketiga-tiga cawangan angkatan tentera bergerak cepat membantu kerja-kerja menyelamat dan membekalkan kemudahan-kemudahan pengangkutan serta menghantar atau menggugurkan bekalan makanan kepada yang terlibat dengan





banjir. Di samping itu angkatan tentera juga menjalankan kerja-kerja kebajikan untuk faedah orang awam dengan memberikan rawatan dan perubatan yang mudah-mudah dan melakukan kerja-kerja sosial seperti membina jambatan dan jalan raya.

Khidmat angkatan tentera juga digunakan bagi membantu mangsa bencana alam.

Kesihatan dan Perubatan

Tujuan utama kerajaan mengadakan perkhidmatan kesihatan dan perubatan ialah untuk melindungi rakyat dari serangan berbagai-bagai jenis penyakit. Setiap rakyat berhak mendapat perlindungan kesihatan yang sama. Dengan adanya perkhidmatan ini, maka dapatlah kerajaan menjamin dan memastikan bahawa rakyat sentiasa sihat. Rakyat sihat negara maju.

Sejak kita mencapai kemerdekaan, berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan untuk mengadakan rancangan-rancangan kesihatan yang sempurna kepada rakyat. Kerajaan menumpukan rancangan-rancangan kesihatannya di kawasan luar bandar, kerana penduduk tersebut terbiar dalam zaman penjajahan dulu.

Dengan adanya rancangan serupa itu kesihatan di luar bandar lebih terjamin. Malahan rakyat yang tinggal di tempat-tempat terpencil juga mendapat kemudahan tersebut. Pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik kesihatan di pekan dan desa didirikan. Hospital-hospital di bandar juga dibina dan dimodenkan supaya orang ramai sama-sama menikmati kemudahan yang disediakan.

Siri buku ketatanegaraan untuk pelajar menengah dan remaja bertujuan:

- mengenalkan pembaca pada proses ketata-negaraan
- mendedahkan pembaca pada dasar dan pelaksanaan pentadbiran negara
- mendekatkan pembaca pada proses perlembagaan dan perundangan negara
- menumbuhkan kecintaan remaja pada negara.

Buku ini ditulis menggunakan pendekatan yang sesuai untuk pelajar dan remaja, maka seberat mana persoalan yang dibincangkan akan mudah difahami. Contoh-contoh diberikan bagi menjelaskan sesuatu konsep yang sukar.

Buku ini bukan sahaja berguna untuk meluaskan pemahaman pelajar dan remaja mengenai ketatanegaraan, tetapi juga dapat dijadikan bahan untuk perbincangan bagi menambah sikap kritis di kalangan pembaca.